



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TEKS UCAPAN SEMPERNA STRADAT
KONVOKESYEN UTM KE-78
DI DEWAN AGUNG TUANKU CANSERAN

Kod Fakulti:

Sains dan Teknologi	
AP	Senibina Perancangan & Ukur
AS	Sains Gunaan
AT	Perladangan & Agroteknologi
CS	Sains Komputer & Matematik
DS	Pergigian
EC	Kejuruteraan Awam
EE	Kejuruteraan Elektrik
EH	Kejuruteraan Kimia
EM	Kejuruteraan Mekanikal
HS	Sains Kesihatan
MD	Perubatan
PH	Farmasi
SR	Sains Sukan & Rekreasi
Pengurusan & Perniagaan	
AC	Perakaunan
BM	Pengurusan Perniagaan
HM	Pengurusan Hotel & Pelancongan
IM	Pengurusan Maklumat
Sains Sosial & Kemanusiaan	
AD	Seni Lukis & Seni Reka
AM	Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi
FF	Filem, Teater dan Animasi
ED	Pendidikan
LG	Akademi Pengajian Bahasa
LW	Undang-undang
MC	Komunikasi & Pengajian Media
MU	Muzik
Pusat Kecemerlangan	
LT	Institut Pengangkutan Malaysia

Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillahi

AssalamualaikumwarahmatullahiwaBarakataluuh, Selamat
Pagi dan Salam Sejahtera

• Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Dame Aishah Ayub,
Pro-Chancellor

• Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Mohd. Abdul Halim,
Pro-Chancellor

UCAPAN BALAS

• Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Pengerusi Pengarah Mohd
Nor

PENERIMA IJAZAH KEHORMAT DOKTOR

PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN

• Yang Berbahagia Dato' Sri Professor Dr Sabol Hamid
Abu Bakar

YBHG TAN SRI DATUK (DR) HJ MUSTAPHA KAMAL HJ

ABU BAKAR

• Prof. John Andrews,
Pro-Chancellor and Chairman of the Board of Governors,
University of South

SEMPENA

• Yang Berbahagia Dato' Dr Mohamed Kadim Suardi,
Najib Cupang, Menteri Besar, Kedah

ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

• Ahli-Ahli Lembaga
SIDANG PERTAMA (PAGI)

• Ahli-Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti

• Ahli-Ahli Pengurusan Kanan Universiti

• Kakitangan Akademik dan Penjawatan

• Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillah

Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh , Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

- Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub
Pro Canselor
- Yang Berbahagia Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid
Pro Canselor
- Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- Yang Berbahagia Dato' Sri Profesor Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar
Naib Canselor
- Prof. John Andrews
Pro Chancellor and Chairman of the Board of Governors,
University of South Wales, United Kingdom
- Yang Berbahagia Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi
Naib Canselor, Universiti Malaysia Sarawak
- Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti
- Ahli-Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti
- Ahli-Ahli Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Saya memanjatkan kesyukuran kepada ALLAH SWT di atas kehendak dan izinNya sahaja dapat saya berada di sini dan salam selawat saya panjatkan kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat Baginda.

Sesungguhnya penganugerahan ini merupakan satu detik bersejarah pada diri saya, keluarga dan semua warga kerja Kumpulan EMKAY yang pastinya akan menjadi kenangan sehingga akhir hayat kami. Penganugerahan ini merupakan tanda pengiktirafan tertinggi dari Universiti ini walaupun sumbangan saya dalam pembangunan dan kemajuan hartanah di seluruh Negara adalah tidak begitu ketara dan begitu kecil sekali. Namun begitu, penganugerahan yang diberikan oleh Universiti Teknologi MARA yang diperkenankan oleh Pro Canselor Universiti Teknologi MARA amatlah saya sanjung tinggi. Shukur Alhamdulillah.

Para hadirin sekian, sebelum saya melanjutkan ucapan saya, saya dengan hormatnya memohon untuk memberi ucapan dalam dwi bahasa.....

Melihat begitu ramai graduan pada pagi ini, saya rasa lebih elok jika saya memperkenalkan diri saya sebagai Pakcik. Pakcik sungguh teruja untuk memberi sepatah dua kata, khususnya kepada anda.

Pakcik ingin memulakan dengan mengemukakan persoalan pokok yang perlu difahami dari awal-awal lagi...iaitu, sama ada:

1) Mahu Berdikari Dalam Soal Kewangan (*Financial Independence*)?

atau

2) Mahukan Jaminan Punca Kewangan (*Financial Security*)?

Kedua-dua soalan ini akan meletakkan asas hala tuju masa depan anda (sama ada menjadi usahawan atau bekerja dengan majikan). Jawapan pada soalan ini berkait rapat dengan **pilihan anda (*your choice*)**, **minat anda (*your interest*)**, **kemampuan (*your ability*)**, **kemahiran (*skill*)** dan ia amat berkait rapat dengan personaliti serta bakat terpendam anda. *Please be true to yourself, when you consider these 2 options.*

Walau apapun pilihan anda, anda haruslah peka dengan realiti atau keadaan sebenar di luar, yang amat berbeza semasa menimba ilmu di alam universiti.

Elok juga Pakcik terangkan beberapa cabaran dan dugaan hidup yang dimaksudkan, antara lain:

Yang Pertama

Lulus dengan mendapat Ijazah Kelas Pertama atau memiliki PHD amatlah mengujakan...namun...keputusan yang baik ini tidak mempunyai makna sekiranya pemilik ijazah tersebut tidak dapat melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Process – Longer

Cost – Cost more

Situation – Worse

Quality – Lower

Yang Keempat

Seorang Eksekutif di masa hadapan akan dinilai dengan keupayaannya untuk menjangka (*anticipate*) masalah-masalah yang bakal dihadapi dan bukan hanya menanti masalah tersebut timbul, ...dan barulah cuba untuk mengatasinya.

Lastly,

Making a success of one's career or personal life is about making quality decisions. Most of us have to navigate our way through life by making a series of hopefully good choices. At its most basic, a good decision is saying Yes to the right things and No to the wrong ones. Say Yes to the wrong things and results can often be unproductive, immensely regrettable and sometimes detrimental to the whole situation. The choice you make, make you.

Maka dengan itu, pada pandangan Pakcik, untuk anda boleh berjaya menjadi seorang yang boleh **diharap** (*reliable*), **berguna** (*useful*), **adil** (*fair*), dan **saksama** (*reasonable*) - Keempat-empat aspek kemahiran hidup ini haruslah berjalan seiring dan seirama dengan proses perjalanan kehidupan seseorang... yang harus meliputi empat lagi prinsip atau pegangan hidup...iaitu..

PERTAMA

Keberkesanan peribadi untuk berjaya (your personal effectiveness)

Anda harus mempunyai beberapa prinsip atau pegangan hidup yang mana, antara lain:

- Pegangan Yang Kukuh pada Agama (tawhid) berasaskan kepada... Niat... *Rabana Atina..Fiddunya Hasanah Wafil Akhiroti Hasanatau Waqinna Azza Bannar.....* Iaitu memohon pada Ilahi, kebaikan di dunia, kebaikan di akhirat dan di jauhi dari azab api neraka.
- Mempunyai minda dan fikiran positif
- Keyakinan yang tinggi di atas kebolehan diri sendiri
- Fokus kepada sesuatu bidang kerjaya yang anda minati
- Mempunyai daya inisiatif yang kuat
- Minat mendalam kepada sesuatu kerjaya
- Berani kerana benar
- Memiliki akhlak yang mulia dan;
- Mempunyai ilmu, kemahiran, kelulusan dan pengalaman untuk membolehkan **KEMENJADIAN** (*ability to make it happen*) ...Untuk melaksanakan sesuatu idea kepada realiti dengan ketepatan masa.... mutu yang baik dan dalam lingkungan kos yang telah ditetapkan serta berpatutan....

Dengan adanya pegangan prinsip ini Pakcik rasa seseorang itu dapat mengatasi atau setidaknya dapat menangani sebahagian besar masalah-masalah *realiti kehidupan* yang telah diterangkan tadi.

KEDUA

Menguasai ilmu mengenai pasaran yang diceburi (Business Mastary)

Di dalam apa sahaja pasaran, perniagaan atau kerjaya yang diceburi, penguasaan ilmu mengenai pasaran tersebut adalah amat penting sekali. Ini termasuklah... di antara lain, mempunyai ilmu pengetahuan tentang putaran perniagaan (*business cycle*) di pasaran yang diceburi ...sama ada dari sudut undang-undang mahupun dasar-dasar yang terlibat, teknologi baru dan...juga amat penting ialah *networking* (jaringan perniagaan). Dengan memahami keadaan dan kehendak pasaran...ia akan dapat membantu anda untuk membentuk atau menggarap strategi pelaksanaan bagi mengurangkan risiko ketahap minima.

Ia juga secara tidak langsung dapat membuka mata dan minda untuk mencungkil peluang perniagaan yang kerap kali diselubungi oleh masaalah-masaalah dan cabaran.

KETIGA

Keberkesanan sebagai seorang ketua (your leadership skills)

Visualizing a better future is a basic prerequisite of leadership that looks at issues and opportunities today and visualize the future that addresses the issues and exploits the opportunities.

In order to do this, I would like to advise a simple approach using the IGROW formula, which is:

I- Issues*what are the issues on hand?*

G- Goals*what are your long term, intermediate and immediate goals?*

R- Reality of the situation.....*what is the real situation of the issues?*

O- Opportunities.....*what are the opportunities available?*

W- Way Forward.....*how to move forward to achieve the goals? (together with stakeholders)*

Di sini kualiti seseorang ketua itu yang paling mustahak ialah keberanian membuat keputusan yang diterima pakai oleh semua terlibat dengan seberapa segera yang boleh, sebelum ianya turut dilaksanakan oleh pesaing.

KEEMPAT

Kemahiran dalam aspek keusahawanan (your entrepreneurial skills)

Dalam isu ini, memiliki pengetahuan terperinci mengenai proses yang akan dilalui dalam suatu perniagaan dan kerjaya adalah penting sekali. Dengan pengetahuan ini, termasuk memahami dasar-dasar yang berkaitan dengan perniagaan, sistem yang terlibat, serta menjiwai makna elemen-elemen kuasa (*authority*), tanggungjawab (*responsibility*) dan *accountability*, ini harus diberi perhatian supaya sesebuah projek itu dapat dilaksanakan sehingga berjaya. The pillars of any collective effort.

Di dalam aspek kemahiran dalam bidang keusahawanan ini, anda diperlukan menguasai beberapa kemahiran tambahan, seperti:

- *critical thinking skills*
- *communication skills*
- *cross culture skills*
- *creativity skills*
- *computer literacy skills*
- *conflict management skills*
- *analytical skills*

- *planning skills – Prioritise, organise, creative, listening, supervise, control, coordinate, direct, monitor.*
- *problem solving skills*
- *goal setting skills – Vision – Why & Values*
 - Mission – What*
 - Strategy –How*
 - Skills*
 - Organisation Structure*
 - Resources*
 - Roles*
 - Reward System*
- *info management skills*
- *listening skills*

Dengan memahami proses, sistem dan dasar yang dimaksudkan tadi kemahiran-kemahiran ini dapat Insya Allah membantu memperolehi keberkesanan di dalam segala keputusan yang dibuat.

Dengan melalui dan menguasai keempat-empat kemahiran hidup ini dan pegangan hidup tadi, Pakcik rasa anak-anak Pakcik, Insya Allah, akan dapat melayari kehidupan dengan penuh kejayaan - "*success comes when you are clear in pursuit of **WHY** you want it*". Anak-anak Pakcik harus mampu menjadi individu, bukan saja pakar dalam ilmu pengetahuan, tapi juga berkualiti, berdisiplin, yakin, mempunyai etika dan

moral yang tinggi, dan mempunyai **atribut** di dalam bidang pekerjaan atau bidang keusahawanan. Pembentukan peribadi, berwibawa, beramanah, mahir berbahasa, berkeupayaan untuk mengaplikasi pemikiran dan pandangan, hendaklah diutamakan.

Nonetheless, I would like to take this opportunity to advice all graduates:

a) all graduates should have a global mindset together with the ability to operate in today's fast changing world

b) you should assess yourself on a holistic basis as to whether you possess critical skills such as:

- the ability to digest, analyze information and data*
- plan and execute strategy*
- exercise judgement with compassion*
- work with and lead a team*
- as well asshow courage, integrity and humility*

c) Last but not least, being confident (which is far from arrogance), well mannered and well spoken are good attributive qualities, but most importantly after giving your very best effort, leave it to God to decide (tawakkul)

Sebelum mengakhiri, Pakcik mendoakan kesemua anak-anak Pakcik berjaya dalam lapangan yang diceburi dan Pakcik akan menumpang gembira bila melihat anak-anak bangsa Pakcik berjaya, dan kita sebagai satu bangsa boleh menyaingi cabaran-cabaran dunia.

Insyallah Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr Mahathir Mohammad pada awal 1991 untuk menjadikan negara Malaysia sesuatu negara yang maju dapat dicapai dan lebih-lebih lagi dengan penyertaan yang penuh dari anak-anak bangsa, khususnya dari graduan UITM ini.

Saya juga ingin memanjatkan kesyukuran dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada UITM, khususnya di bawah pimpinan YBhg Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub, salah seorang Pro Canselor UITM, yang telah sekian lama memainkan peranan untuk menghasilkan graduan Bumiputera yang kompeten dan kini kita nampak mampu bersaing dalam pasaran.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi, khususnya kepada:

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub dan Yang Berbahagia Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid, Pro Canselor UITM, dan kepada Yang Berbahagia Dato' Sri Profesor Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar, Naib Canselor UITM, yang telah berkenan menganugerahkan Ijazah yang berprestij ini buat diri saya.

Sekalung terima kasih juga saya sampaikan kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Dekan-Dekan, Ahli-ahli Pengurusan Tertinggi Universiti, Barisan Pengurusan Kanan Universiti, Jabatan Komunikasi dan Korporat UITM, dan kepada semua yang terlibat, secara langsung dan tidak langsung, di dalam penganugerahan ijazah ini.

Saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi taufik wal hidayah wassalam mualaikum warrah matullah hi taala hiwabarakatuh dan terima kasih.

UCAPAN

YBHG. DATO' SRI PROF. IR DR SAHOL HAMID

ABU BAKAR

TEKS UCAPAN ALUAN

YBHG. DATO' SRI PROF. IR DR SAHOL

SIDANG PERTAMA (PAGI)

HAMID ABU BAKAR

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih **NAIB CANSELOR UiTM** Para Majlis

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

Arshad Ayub

Pro Cans

11 MEI 2013 (SABTU)

- Yang Berbahagia Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid
Pro Canselor

SIDANG PERTAMA

- Yang Berbahagia Tan Sri Dr Wan Mohd
Zahid Mohd. Noordin
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

- Yang Berbahagia Tan Sri Datuk (Dr) Haji
Mustapha Kamal Haji Abu Bakar
Pengerusi, Kumpulan EMKAY

UCAPAN
YBHG. DATO' SRI PROF. IR DR SAHOL HAMID
ABU BAKAR
NAIB CANSOLOR UiTM
DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78
SIDANG PERTAMA (PAGI)

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub
Pro Canselor
- Yang Berbahagia Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid
Pro Canselor
- Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- Yang Berbahagia Tan Sri Datuk (Dr) Haji Mustapha Kamal Haji Abu Bakar
Pengerusi, Kumpulan EMKAY

- Prof. John Andrews
Pro Chancellor and Chairman of the Board of
Governors, University of South Wales, United
Kingdom
- Yang Berbahagia Dato' Dr Mohamad Kadim
Suaidi
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak
- Dr Daniel Gunaratnam
- Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti
- Ahli-Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti
- Ahli-Ahli Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati
sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita, atas limpahan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala, yang mengizinkan kita berhimpun di Dewan Agung Tuanku Canselor ini, bagi meraikan satu lagi pencapaian yang membanggakan, hasil keringat dan kesungguhan mahasiswa dan mahasiswi UiTM yang bergraduasi pada hari ini.

Tahniah saya ucapkan kepada para graduan dan juga ibu bapa serta keluarga atas kejayaan yang diperolehi.

Tentu sekali, banyak pengorbanan yang telah dibuat oleh ibu serta bapa, suami atau isteri; begitu juga ahli-ahli keluarga yang lain.

Hari ini, UiTM juga mencatat sejarah tersendiri, apabila dua Ijazah Doktor Kehormat dianugerahkan kepada dua tokoh Melayu terbilang yang berjaya di bidang masing-masing.

Baru sebentar tadi kita menyaksikan penganugerahan Honorary Doctorate (DUniv), University of South Wales, United Kingdom, kepada Pro-Canselor UiTM, Yang Berbahagia Tan Sri Arshad Ayub.

Tahniah, Tan Sri...! Seluruh UiTM berbangga dengan pengiktirafan yang diberikan.

Ladies and gentlemen, it is only fitting that I express our appreciation, especially to Professor Prof. John Andrews for the kind gesture.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada sahabat saya Dr Daniel Gunatratnam from the World Bank for being with us today.

Dan, sebentar lagi, kita akan menyaksikan pula penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Perniagaan dan Keusahawanan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Mustapha Kamal, Pengerusi Kumpulan EMKAY Bhd, syarikat konglomerat bumiputera yang terkenal.

Saya rasa tidak menjadi satu kesalahan untuk mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Mustapha Kamal, walaupun anugerah itu datang daripada UiTM.

Tahniah Tan Sri...! UiTM berkongsi kebanggaan dengan pencapaian hidup Tan Sri.

Sebagai sebuah universiti bumiputera, UiTM sendiri telah melahirkan berpuluh ribu sumber manusia, merentas disiplin, sejak ditubuhkan pada tahun 1956. Pada konvokesyen kali ini, seramai 21,957 graduan akan menerima diploma dan ijazah, masing-masing di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

Istiadat konvokesyen yang bermula hari ini hingga 21hb Mei, akan berlangsung di Kampus Shah Alam (dipecahkan kepada 17 sidang), di UiTM Perlis (empat sidang), di UiTM Terengganu (empat sidang), dan masing-masing tiga sidang di UiTM Perak dan UiTM Sarawak.

Daripada jumlah tersebut, seramai 11,062 graduan akan menerima Diploma, 9,635 Ijazah Sarjana Muda, 103 Diploma Lepas Ijazah, 125 Ijazah Profesional, 1,007 Ijazah Sarjana, dan 25 graduan akan menerima Ijazah Doktor Falsafah.

Saya dan seluruh warga UiTM mengucapkan tahniah kepada graduan, keluarga, sanak saudara serta sahabat handai yang turut meraikan kejayaan ini.

Dengan jumlah graduan yang mengambil bahagian pada konvokesyen ke-78 ini, maka alumni UiTM kini telah melebihi setengah juta. Alhamdulillah.

Malahan, UiTM juga telah memperkenalkan program khas yang dinamakan Mengubah Destini Anak Bangsa (atau MDAB), bagi memberi peluang kedua kepada anak-anak Melayu dan bumiputera yang tidak berpeluang melanjutkan pengajian selepas SPM atas faktor kemiskinan dan keputusan SPM yang kurang baik.

Sejak MDAB diperkenalkan, seramai 15,000 golongan anak muda ini telah mengikuti program di peringkat pra-diploma di UiTM. Insya Allah, jumlah pengambilan pelajar-pelajar MDAB akan ditambah daripada 5,000 sekarang kepada 10,000 setiap semester.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kerana sentiasa memberi sokongan padu bagi menjayakan program MDAB ini.

Sekali lagi, tahniah saya ucapkan kepada para graduan. Semoga saudara-saudari akan terus berjaya dalam menempuh kehidupan seterusnya, demi agama, demi menjaga maruah bangsa dan negara.

Sekian.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA ARSHAD

AYUB

TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA

ARSHAD AYUB

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih **PRO-CANSELOR UiTM** Ara Majlis

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

11 MEI 2013 (SABTU)

• Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Haji
Zahid Mohd. Noordin
Pengerusi Lembaga Pengarah

• Yang Berbahagia
Hamid Abu Bakar
Naib Canselor

• Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Haji
Mustapha Kamal Has Abu Bakar
Pengerusi Kumpulan EMKAY

UCAPAN
YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA ARSHAD
AYUB
PRO-CANSELOR UiTM
DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78
SIDANG PERTAMA (PAGI)

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid
Pro Canselor
- Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr Wan Mohd.
Zahid Mohd. Noordin
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- Yang Berbahagia Dato' Sri Prof. Ir Dr Sahol
Hamid Abu Bakar
Naib Canselor
- Yang Berbahagia Tan Sri Datuk (Dr) Haji
Mustapha Kamal Haji Abu Bakar
Pengerusi, Kumpulan EMKAY

- Prof. John Andrews
Pro Chancellor and Chairman of the Board of
Governors, University of South Wales, United
Kingdom
- Yang Berbahagia Dato' Dr Mohamad Kadim
Suaidi
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak
- Mr. Vassilis Konstantinou
- Mark Cadwallader
- Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti
- Ahli-Ahli Pengurusan Tertinggi Universiti
- Ahli-Ahli Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati
sekalian

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabara-katuh dan
Salam Sejahtera**

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-78 pada pagi yang amat bersejarah ini.

Sebentar tadi kita telah menyaksikan penganugerahan ijazah kepada seramai 386 graduan, dengan 25 orang terdiri daripada graduan Doktor Falsafah, manakala seramai 361 orang merupakan graduan Ijazah Sarjana.

Kepada semua graduan, saya mengucapkan tahniah dan syabas atas kejayaan penting yang anda kecapai hari ini. Tentu sekali, kehadiran saudara-saudari pada istiadat konvokesyen ini, adalah bukti kesungguhan dan komitmen saudara-saudari semua untuk menjadi lebih mulia sebagai orang yang berilmu, dan insya Allah, menjadi warga negara Malaysia yang berpengetahuan.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Mustapha Kamal atas penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Perniagaan dan Keusahawanan oleh UiTM. Tan Sri Mustapha Kamal merupakan penerima Ijazah Kehormat UiTM yang ke-29, sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 1997.

Dan, beliau merupakan yang pertama dianugerahkan dengan Ijazah Kehormat Doktor Perniagaan dan Keusahawanan, sebagai pengiktirafan kepada penglibatan beliau yang luas dan pencapaian yang membanggakan dalam kedua-dua bidang tersebut.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Pada istiadat pagi ini juga, UiTM turut menerima kehadiran tokoh-tokoh akademik antarabangsa. Saya mengalu-alukan tetamu-tetamu kita ini yang dating dari jauh, dan menghargai sokongan yang diberikan melalui kehadiran mereka pada majlis pagi ini. Izinkan saya berucap seketika dalam bahasa Inggeris.

On behalf of the university, I would like to welcome our foreign guests, to the 78th Convocation of Universiti

Teknologi MARA. Your presence here in this august hall, has certainly added more colour to this auspicious occasion.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada para
I believe, your being in UiTM and your stay in Malaysia, will create better networking in the respective fields of academia, besides strengthening existing relations with counterparts here in UiTM, or in other parts of the country.

Sewajarnya saya mengambil peluang ini untuk
On a lighter note, I hope that you will find the experience of being part of this convocation ceremony both refreshing and memorable.

Seterusnya, kepada ibu bapa, suami atau isteri, sanak-saudara dan sahabat handai yang datang dari jauh dan dekat, saya turut berkongsi kegembiraan tuan-tuan dan

puan-puan, atas kejayaan ahli keluarga menerima ijazah tinggi masing-masing pada hari ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada para graduan. Jelas sekali, usaha gigih saudara-saudari, kini membuahakan hasil. Saya mengharapkan agar saudara-saudari dapat memberikan sumbangan berguna kepada agama, bangsa dan negara kita.

Sewajarnya saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga kepada warga UiTM, agar terus mempertahankan kerja universiti ini yang tidak putus-putus memberi khidmat terbaik kepada anak bangsa dalam bidang pendidikan.

Hadirin yang dimuliakan,

Selama saya bersama-sama UiTM sejak tahun 1965 sehingga kini, saya sudah arif dengan falsafah, peranan, amalan serta budaya UiTM.

Universiti ini telah wujud sejak 57 tahun yang lalu, dan dari setahun ke setahun, peranannya menjadi bertambah penting dalam pembangunan dan kemakmuran negara. Justeru, saya ingin berpesan kepada semua khususnya kepada warga UiTM, agar terus mempertahankan kedaulatan universiti ini.

Dalam masa yang sama, berusaha dengan cara yang bijaksana untuk menambahtinggikan lagi martabat universiti ini dalam setiap aspek. Pastikan UiTM ini terus

berupaya, lebih disegani dan dihormati, sebagai penjana ilmuwan bumiputera bertaraf dunia.

Dalam banyak hal, UiTM sebenarnya menjadi *trendsetter* kepada banyak organisasi lain dan menjadi penanda aras dalam bidang-bidang pengajian tertentu.

Ini merupakan satu pengiktirafan, dan pengiktirafan ini hendaklah sentiasa dikekalkan. Oleh kerana itu, saya menyarankan agar UiTM terus memainkan peranan dengan meningkatkan penyelidikan, pengumpulan dan pemeliharaan ilmu-ilmu pendidikan sains dan teknologi, sains sosial serta pengurusan dan perniagaan agar universiti bumiputera ini terus dirujuk pada masa-masa akan datang.

Dalam pada itu, matlamat asal penubuhan universiti ini tidak boleh dilupakan. Saya cukup berbangga apabila UiTM terlibat dalam menjalankan program Mengubah Destini Anak Bangsa (atau MDAB) untuk memberi peluang pendidikan kepada anak-anak miskin bumiputera.

Alhamdulillah, dalam keputusan peperiksaan baru-baru ini, ramai yang telah lulus dan akan melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma.

Kita sedia maklum, peranan UiTM ialah untuk memartabatkan anak bangsa, memberi pendidikan kepada anak-anak Melayu dan bumiputera.

Peranan UiTM juga adalah untuk memastikan graduan mendapat peluang kerja yang baik, mewujudkan peluang

keusahawanan dan meninggikan taraf sosioekonomi bangsa di bandar dan luar bandar. Inilah peranan yang perlu dimainkan oleh UiTM. Dan peranan ini tidak akan kita lupakan. Universiti ini adalah ikon kepada bangsa Melayu dan bumiputera di negara ini.

Dalam hal ini, saya – dan saya kira, warga UiTM juga – dapat lihat kesungguhan Dato' Sri Naib Canselor untuk mengubah destini orang Melayu dan kaum bumiputera menjadi warga negara yang bertanggungjawab, dan yang lainnya, agar mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa lain, di Malaysia dan di dunia, insya Allah.

Para graduan yang diraikan,

Saya ingin melihat saudara-saudari melestari semangat di sebalik falsafah penubuhan UiTM dan peranan yang digalas oleh UiTM. Lantaran, saudara-saudari haruslah menjadi contoh yang terbaik dalam apa jua bidang yang diceburi kerana saudara-saudari adalah imej generasi akan datang yang akan mencorakkan kejayaan bangsa.

Jadilah warga negara yang bertanggungjawab, dan kekalkanlah nama baik universiti, bangsa, agama dan keluarga dalam segala tindak tanduk yang bakal diambil nanti. Ingatlah bahawa kemajuan bangsa akan membawa kepada kemajuan negara.

Kepada graduan, kejayaan yang kita raih ini tidak akan menjadi kenyataan, tanpa adanya sokongan dan usaha gigih daripada semua pihak, terutama para pensyarah, ibu bapa dan keluarga yang sangat berjasa memupuk kecemerlangan para graduan dengan penglibatan masing-masing. Kata pepatah Melayu: *Benih yang baik, jika jatuh ke laut sekalipun ia akan menjadi sebuah pulau.*

Saya berharap para graduan tidak lupa untuk bersyukur kepada Allah dan mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli keluarga, terutamanya ibu bapa yang sentiasa mendorong dan mendoakan kejayaan para graduan. Kepada rakan taulan dan pensyarah, ucapan terima kasih sebagai tanda penghargaan pasti memadai bagi mereka.

Saya berharap bahawa kita akan terus berjaya dalam apa jua bidang yang akan diceburi. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor, Ahli-Ahli Senat, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti dan semua warga UiTM di atas segala usaha dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang.

Saya berdoa semoga saudara-saudari akan terus maju jaya dalam segala lapangan yang saudara-saudari ceburi dan usahakan.

Biar di mana sekalipun saudara-saudari berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UiTM di sudut hati kita. Biarlah UiTM ini sentiasa menjadi perkiraan dalam apa sahaja perancangan yang kita lakukan.

Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA

ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

11 MEI 2013 (SABTU)

SIDANG KEDUA

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA ARSHAD AYUB
PRO-CANSELOR UiTM
DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78**

SIDANG KEDUA (PETANG)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- YBhg Prof Dr Azni Zain Ahmed,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg Prof Dato' Dr Abdullah Mohamad Said,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- YBhg Prof Ir Dr Abdul Rahman Omar,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg Prof Dr Norsaadah Ismail,
Timbalan Naib Canselor
(Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni)
- Dr Hajah Zahrah Mokhtar, Pendaftar
- Tuan Haji Sanip Wahid, Bendahari
- Ahli-ahli Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Ibu bapa, para tetamu serta graduan yang diraikan
- Hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Syukur Alhamdulillah dengan izin Allah S.W.T kita semua dapat berada di Dewan Agung Tuanku Canselor ini untuk sama-sama menyaksikan suatu acara yang sungguh istimewa dan penuh bermakna iaitu sidang kedua Istiadat Konvokesyen ke-78 UiTM.

Pada sidang kedua ini kita baru sahaja menyaksikan seramai 647 orang graduan menerima ijazah sarjana dalam bidang masing-masing. Secara keseluruhannya, Istiadat Konvokesyen UiTM ke-78 ini menyaksikan seramai 23,908 orang graduan menerima diploma dan ijazah masing-masing di Shah Alam, Perlis, Perak, Terengganu dan Sarawak.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh graduan pada sidang ini yang telah berjaya menerima ijazah sarjana masing-masing.

Hadirin yang dihormati,

Pada hari yang berbahagia ini, saya amat berbangga dengan kehadiran para ibu bapa dan graduan yang bukan sahaja datang dari kawasan Shah Alam ini, tetapi juga dari seluruh pelosok negara. Kini UiTM berada di setiap negeri, makanya kehadiran kita di sini sudah tentunya mewakili negeri-negeri di mana wujudnya UiTM. Begitulah betapa besarnya keluarga kita, keluarga Universiti Teknologi MARA.

Sesungguhnya saudara-saudari yang berada dalam dewan ini pastinya tersenyum gembira apabila berjaya keluar dengan ijazah sarjana yang membanggakan ibu dan ayah. Dengan bekalan ilmu yang dimiliki, saudara-saudari seharusnya bijak melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberi sesuai dengan kebolehan kita.

Kejayaan yang dimiliki oleh saudara-saudari ini tidak akan datang bergolek tanpa kerja keras dan semangat yang

ditunjukkan oleh saudara-saudari dan juga universiti ini. Kita sedia maklum bahawa UiTM ditubuhkan bagi memastikan kaum bumiputera mendapat pendidikan sempurna. Objektif penubuhan institusi ini adalah untuk menjadi pemangkin pembangunan masyarakat. Oleh sebab itu, kejayaan saudara-saudari menjadi seorang graduan yang berkualiti tinggi dan berbudi pekerti akan membuktikan kejayaan perjuangan UiTM.

Dalam bidang sains dan teknologi, di sepanjang tempoh kewujudan UiTM ini, kita berjaya menghasilkan sebilangan besar penyelidikan sehingga membolehkan kita meraih pelbagai anugerah dalam pertandingan inovasi dan reka cipta di dalam dan di luar negara. Dalam bidang pengurusan dan perniagaan, sudah terlalu ramai graduan kita terdiri daripada usahawan-usahawan yang berjaya. Mereka ini mempunyai jati diri, bersemangat waja, tidak mudah putus asa dan berani mengambil risiko. Manakala dalam bidang

sains sosial dan kemanusiaan, graduan kita mengisi jawatan-jawatan penting dalam industri berasaskan perundangan, pengajaran, komunikasi dan maklumat.

Untuk pengetahuan hadirin sekalian, Universiti Teknologi MARA adalah sangat dekat dengan hati saya. Selama sepuluh tahun, saya telah diberi kepercayaan oleh Perdana Menteri Malaysia kedua iaitu Tun Abdul Razak untuk menjadi Pengarah Pertama ITM, iaitu pada tahun 1965 hingga 1975 untuk mencorak arah pendidikan kaum bumiputera pada waktu itu. Sebelum itu saya juga diberi mandat untuk menerajui Maktab MARA.

Saya merasa amat bersyukur kerana dapat membangunkan ITM sebagai institut pengajian tinggi yang kini menjadi ikon kepada bangsa Melayu dan bumiputera di negara ini. Dan kini, UiTM juga sudah terkenal di mata dunia. Saya amat berbangga dengan perkembangan pesat yang dilalui dan

kejayaan yang diperolehi oleh universiti yang kita kasihi ini sejak penubuhannya lima puluh tujuh tahun dahulu.

Kejayaan yang dikecapi ini tidak lain dan tidak bukan adalah melalui kerjasama jitu seluruh warga UiTM dengan pimpinan Naib Canselor-Naib Canselornya. Sejak dari penubuhan ITM, ia telah berjaya menawarkan sistem pendidikan yang amat bersesuaian dengan kehendak pasaran kerjaya semasa demi menjamin masyarakat bumiputera supaya dapat berdepan dan menangani semua cabaran yang mendatang.

Pada setiap diri pelajar yang dihasilkan oleh universiti ini, wujud integriti dan nilai-nilai luhur sehingga membolehkan mereka mencetuskan suasana baru dalam dunia pekerjaan. Pemikiran mereka sentiasa bergerak ke hadapan, menelusuri dan meneroka setiap bidang sehingga membolehkan mereka mencetus evolusi dan revolusi baru.

Dan yang paling membanggakan mereka adalah lulusan Universiti Teknologi MARA, sebuah universiti bumiputera yang ditubuhkan 57 tahun lalu.

Pada hari ini, dalam dewan yang indah ini, saya juga mengharapkan 653 orang pemegang ijazah sarjana UiTM ini terus mencipta keunggulan dalam setiap bidang yang diceburi. Setiap kejayaan yang dicipta, pastinya akan turut membawa nama baik universiti ini. Jagalah nama baik universiti yang kita sayangi ini.

UiTM amat mengharapkan kredibiliti saudara-saudari dalam mendepani masyarakat dengan membawa nama baik universiti ini. Hari ini kebanyakan saudara-saudari lulus cemerlang. Kini di hadapan kita terbentang luas peluang untuk mendedahkan tahap keunggulan dan keistimewaan kita yang sebenar. Lebarkanlah sayap kecemerlangan saudara-saudari. *Andai jauhari, pasti mengenal ma'nikam,*

walaupun dalam bidang apa yang bakal diceburi. Genggaman sarjana yang ada hari ini sepatutnya memantapkan para graduan untuk terus menjadi manusia yang berguna yang dapat berbakti.

Hadirin-Hadirat yang dihormati,

Marilah kita bersyukur ke hadrat Ilahi dengan kesungguhan bangsa kita melangkah jauh hingga sampai ke tingkat global ini. Kita sudah berjaya meletakkan nama kita di peta dunia dan kita harapkan semoga nama ini kekal dikenali seantero dunia. Barang diingat, seberapa jauh yang dituju, semaikanlah ingatan bahawa **UiTM Sentiasa di Hatiku**. Kerana dari sinilah para graduan telah diberi peluang keemasan menimba ilmu dan kebolehan.

Orang tua-tua dahulu berkata, *orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa*. Janganlah kita hanya tahu mengambil dan merasa tetapi tidak sudi memberi pula.

Memberi lebih bernilai apabila datang dari keikhlasan hati dan keinsafan diri bahawa kita ini amat terhutang budi. Kata orang, *pisang emas dibawa berlayar, masak sebiji di atas peti, hutang emas boleh dibayar, hutang budi mesti kita balas di sini. Bagi saya hutang budi tidak boleh dibawa mati.*

Apatah lagi ingatan dan kenangannya di UiTM, tempat para graduan berpenat lelah, bersengkang mata bertahun lama bagi menyemai ilmu di dada. Tanamlah kesedaran dalam diri, *jangan sekali-kali menjadi kacang yang lupakan kulit, lebih-lebih lagi si Tanggung yang lupakan usul nasib.*

Kepada saudara-saudari yang ingin berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang sekurang-kurangnya RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni yang disediakan di luar dewan. Melalui sumbangan alumni, diharap dana yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat

terus belajar tanpa masalah kewangan sekali gus kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan.

Para graduan yang dikasihi,

Kita diberi kelebihan dipinjamkan ilmu yang mungkin lebih tinggi dari kebanyakan masyarakat umum. Jadi, biarlah kita menjadi manusia yang sedar akan tujuan ilmu itu sebenarnya. Ia akan berguna untuk kita menjalankan tugas masing-masing. Namun yang lebih utama pada pandangan saya ialah, agar kita menjadi insan yang lebih baik yang menyedari hubungan kita dengan Penciptanya, yang beramanah memakmurkan bumi untuk kebajikan alam sejagat.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan atas kejayaan yang dicapai ini. Usaha dan komitmen serta pengorbanan ibu bapa, penjaga dan semua pihak yang bukan sedikit telah

membolehkan UiTM mencapai tahap kecemerlangannya pada hari ini.

Sentiasa tekadkan azam untuk menjadi individu yang terbaik. Aplikasikanlah segala ilmu yang dipelajari untuk kerjaya dan kehidupan yang cemerlang untuk membantu mengubah nasib diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Haluan sarat banyak muatan

Nampak cahaya batu karang

Tuan ibarat permata intan

Di mana tercampak di situ terang

Syabas kepada para graduan di atas pencapaian yang memberangsangkan ini.

Sekian, wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Selamat Maju Jaya.

TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA

ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 78

12 MEI 2013 (AHAD)

SIDANG KETIGA

UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA ARSHAD AYUB PRO-CANSELOR UiTM DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 78 SIDANG KETIGA (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- YBhg Prof Dr Azni Zain Ahmed,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg Prof Dato' Dr Abdullah Mohamad Said,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- YBhg Prof Ir Dr Abdul Rahman Omar,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg Prof Dr Norsaadah Ismail,
Timbalan Naib Canselor
(Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni)
- Dr Hajah Zahrah Mokhtar, Pendaftar
- Tuan Haji Sanip Wahid, Bendahari
- Ahli-ahli Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Ibu bapa, para tetamu serta graduan yang diraikan
- Hadirin yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu untuk bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-78 ini.

Pada hari yang bersejarah ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada **1139 graduan** dari **Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Perladangan & Agroteknologi dan Fakulti Kejuruteraan Kimia** kerana telah berjaya menamatkan pengajian setelah berhempas pulas menghadapi pelbagai cabaran sebagai mahasiswa UiTM.

Kini, para graduan bukan sahaja berasa lega dan bangga tetapi sebenarnya telah juga mengurniakan satu hadiah istimewa yang tidak ternilai kepada ibu bapa, pensyarah dan negara. Saya menghargai graduan semua kerana tidak mensia-siakan peluang yang ada. Saudara-saudari sudah membuktikan bahawa usaha dan pengorbanan selama ini, akhirnya membuahkan hasil yang memberikan harapan untuk suatu

kehidupan yang terjamin dan cemerlang untuk diri sendiri dan masyarakat Malaysia.

Saya juga ingin mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada ibu bapa dan para pensyarah kerana dengan dorongan, perangsang serta usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini anak-anak kita kini telah berjaya menggenggam segulung diploma dan ijazah masing-masing.

Bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian,

Rajin dan usaha tangga kejayaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Fakulti Sains Gunaan adalah antara fakulti yang tertua di UiTM. Banyak pengalaman telah ditimba, maka itu sehingga kini terdapat 25 program pengajian di pelbagai kampus induk dan cawangan. Dengan kemasukan 200,000 orang pelajar ke

UiTM nanti, fakulti ini akan menerima enrolmen pelajar paling ramai dalam gugusan Sains dan Teknologi.

Dalam usaha melahirkan graduan yang holistik dan diterima majikan, UiTM menekankan pelajar di fakulti ini melakukan latihan industri untuk mengapikasi ilmu yang dipelajarinya. Sehubungan itu, ada pelajar yang telah dihantar ke luar negara iaitu seperti China, Singapura, India, Thailand, Korea, Hong Kong, Turki, Australia dan Pakistan, untuk mendapat pengalaman melalui pembentangan kertas kerja hasil projek penyelidikan di samping turut serta dalam pertandingan reka cipta dan inovasi.

Dalam usaha memberi galakan kepada pelajar berinteraksi dengan masyarakat luar melalui jalinan dan kerjasama dalam bidang penyelidikan, FSG telah menyempurnakan MOU, antaranya dengan PDRM dan Nong Lam University, Viet Nam.

Dalam konteks tenaga pengajar muda pula, fakulti telah menghantar pensyarah-pensyarah muda untuk mengikuti latihan di industri yang berkaitan dengan bidangnya selama enam bulan hingga satu tahun. Pengalaman yang diperoleh ini akan dibawa pulang ke fakulti dan digunakan dalam bilik kuliah untuk manfaat para pelajar. Dengan demikian, pelajar dan pensyarah ini sentiasa mendapat ilmu-ilmu baru sesuai dengan arus perubahan sains dan teknologi semasa.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Samalah juga dengan **Fakulti Perladangan dan Agroteknologi**. Fakulti ini telah melahirkan ilmuwan perladangan yang telah menjadi peneraju konglomerat perladangan ulung di negara kita seperti Sime Darby Plantation, Felda Plantation, IOI Plantation, Tradewind Plantation, Tabung Haji Plantation dan lain-lain.

Selain daripada itu, ramai juga di kalangan alumni fakulti ini sudah menjadi usahawan yang berjaya, berkhidmat sebagai pendidik, penyelidik pertanian dan juga menceburi bidang perbankan. Ada yang menjadi pensyarah di institusi-institusi pengajian tinggi serta kolej-kolej pertanian.

Walaupun pada usia paling muda iaitu tiga tahun, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi telah menunjukkan perkembangan pesat. Bermula dengan lima program, kini fakulti ini telah mendapat kelulusan daripada pihak KPT untuk melaksanakan enam program baru Master secara mixed-mode mulai September 2013. Pada masa yang sama, enam program baru di peringkat diploma, sarjana muda dan sarjana telah dikemukakan ke peringkat LPU untuk mendapatkan kelulusan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

Fakulti Kejuruteraan Kimia pula menawarkan program-program yang telah mendapat pengiktirafan sepenuhnya oleh pihak Lembaga Jurutera Malaysia dan juga Institute of Chemical Engineering, UK. Pengiktirafan ini membuktikan bahawa graduan yang dihasilkan oleh Fakulti Kejuruteraan Kimia adalah berkualiti dan bertaraf antarabangsa. Maka tidak hairanlah graduan kejuruteraan kimia UiTM telah mendapat tempat di dalam industri berasaskan kimia yang dipelopori oleh syarikat-syarikat antrabangsa.

Jelaslah bahawa ketiga-tiga fakulti ini telah melahirkan graduan yang holistik, berdaya saing, berkemahiran insaniah, pemikiran kreatif, inovatif dan beretika melalui pengajaran dan pembelajaran, dalam bidang penyelidikan berinovasi serta latihan industri. Oleh itu tidak hairanlah jika institusi pekerjaan meletakkan graduan UiTM sebagai pilihan utama untuk jawatan yang ditawarkan.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

Pendidikan adalah sangat penting dalam kesejahteraan hidup. Dalam mendepani dunia yang semakin mencabar, seseorang graduan bukan hanya dilengkapi dengan *substance* pengajian mereka tetapi perlu dilengkapi dengan kemahiran insaniah dan kemahiran berfikir aras tinggi (HOTs). Oleh yang demikian UiTM telah mengambil berat komponen ini supaya setiap graduan memilikinya.

Apa yang UiTM laksanakan sehingga kini adalah merupakan komitmen yang tidak berbelah bahagi. UiTM melihat jauh ke hadapan. Banyak strategi serta tindakan yang disusun menjurus kepada menyediakan generasi graduan yang berketerampilan. Kita berhasrat untuk melahirkan generasi graduan yang seimbang dari segi intelektual, emosi dan spiritual yang bakal menjadi eksekutif bumiputera yang profesional untuk pembangunan bangsa, agama dan negara.

Graduan UiTM dihormati di pasaran. Keupayaan mereka menyesuaikan diri dan menggunakan pelbagai kemahiran dalam pekerjaan sentiasa dihargai majikan. Malah kemahiran serta keterampilan mereka melangkaui had-had kemahiran sosial yang tipikal. Inilah kualiti yang ditunjukkan oleh lulusan dari UiTM ini. Justeru, keunggulan pelajar-pelajar kita dalam pelbagai bidang perlu sentiasa berada di tahap yang sentiasa dibanggakan. Sentiasalah lengkapkan diri dengan pengetahuan-pengetahuan terkini walaupun saudara-saudari telah tamat pengajian di universiti ini. Pengemblengan ilmu pengetahuan mestilah sentiasa berterusan, selagi badan dikandung nyawa.

Para graduan yang diraikan,

Ibu bapa merupakan pihak pertama yang memerlukan keprihatinan saudara-saudari. Hargai peranan serta pengorbanan ibu bapa yang tidak pernah berkira dan berputus

asa dalam hal-hal yang menyentuh kesejahteraan anak-anak mereka.

Saya juga sangat berharap semoga graduan sekalian sedar dan insaf akan kedudukan bangsa yang sentiasa memerlukan perhatian dan prihatin daripada saudara-saudari. Saya memohon para graduan untuk mengenang sejenak betapa segala apa yang saudara-saudari kecapai pada hari ini sebenarnya merupakan perancangan rapi serta wawasan kerajaan negara kita yang sentiasa memikirkan mengenai kemanfaatan dan kesejahteraan kita semua.

Saudara-saudari telah menghabiskan sekian tahun di UiTM berbekalkan kemudahan – harta benda dan wang ringgit – yang disalurkan terus oleh pihak kerajaan. Marilah kita renung sejenak di mana-mana. Namakan satu-dua negara yang memberikan pendidikan tinggi dengan kos yang paling minima seperti yang kita nikmati di sini. Saya percaya tidak ada mana-

mana negara yang setanding dengan apa yang kita lakukan demi pendidikan tinggi anak-anak bangsa kita. Percayalah!

Oleh yang demikian, kembalikanlah ehsan tersebut dengan cara yang terpuji, berbudi dan selayaknya. Tidak banyak yang perlu saudara-saudari korbankan selain daripada berwawasan, kerja keras serta menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat yang sentiasa berterima kasih dan bersyukur kepada kerajaan.

Milikilah sifat kental - *tak lapok dek hujan dan tak lekang dek panas*. Simpanlah niat untuk membalas budi kepada mereka yang telah berjasa.

Kepada saudara-saudari yang tergerak nak berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni yang disediakan di luar dewan. Semoga sumbangan alumni, yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa masalah kewangan sekali

gus kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan. *Segenggam digunungkan, setitik dilautkan.*

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan saudara-saudari semua. Saya berdoa semoga saudara-saudari akan terus maju dalam setiap lapangan yang diceburi. Biar di mana sekalipun kita berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UiTM di sudut hati kita.

Jika ditakdirkan Allah kelak, saudara-saudari menjadi orang yang telah berjaya – sebagai bangsawan, usahawan, jutawan, teknokrat, apatah lagi menjadi politikus hebat atau dermawan – ingatlah bahawa di UiTM inilah tempatnya saudara-saudari pernah berada dan menuntut ilmu pengetahuan. Bisikkanlah; *“UiTM sentiasa di hati ku. Aku terkenang UiTM. Aku sayang UiTM. Aku mahu pulang ke UiTM untuk membantu generasi bangsaku.”*

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN
YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA
ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM
DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 78
12 MEI 2013 (AHAD)

SIDANG KEEMPAT

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA ARSHAD AYUB
PRO-CANSELOR UiTM**

**DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 78
SIDANG KEEMPAT (PETANG)**

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- YBhg Prof Dr Azni Zain Ahmed,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg Prof Dato' Dr Abdullah Mohamad Said,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- YBhg Prof Ir Dr Abdul Rahman Omar,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg Prof Dr Norsaadah Ismail,
Timbalan Naib Canselor
(Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni)
- Tuan Haji Sanip Wahid, Bendahari
- YBhg Prof Dr Emeritus Datuk Dr Shad Saleem Faruqi,
Penasihat Undang-Undang
- Dr Hajah Zahrah Mokhtar, Pendaftar
- Ahli-ahli Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Ibu bapa, para tetamu serta graduan yang diraikan

- Hadirin yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya telah mengizinkan pertemuan kita dalam Istiadat Konvokesyen ke-78 Universiti Teknologi MARA, bagi Sidang ke-4 ini.

Kita semua menjadi saksi satu peristiwa di dalam kehidupan, terutama bagi para graduan dan ibu bapa sekalian yang akan sentiasa dikenang sepanjang hayat. Hari ini dengan rasa syukur dan perasaan gembira kita meraikan kejayaan yang diperolehi oleh anak-anak kita semua setelah segala penat jerih menimba ilmu. Hari ini mereka bergelar graduan. Semoga perasaan syukur ini akan terus tersemat di sanubari kita sebagai seorang hamba yang mengharapkan hidayah dan rahmat dari-Nya.

Pada petang ini seramai **1,262 orang graduan** di kampus Shah Alam ini, telah menerima skrol masing-masing sebentar tadi. Dari jumlah tersebut seramai 886 orang adalah dari Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi dan 376 orang

dari Fakulti Undang-Undang. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua mereka yang telah berjaya ini.

Hadirin yang saya muliakan,

Universiti Teknologi MARA telah ditubuhkan di atas falsafah bahawa “setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara”.

Justeru itu, harapan kita adalah untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya lahir graduan yang berdaya saing serta beretika.

Memartabatkan bangsa adalah tugas utama bagi UiTM. Atas sebab itulah barangkali ramai di antara para hadirin di dewan

ini menyedari betapa UiTM memiliki kelainan yang menonjol berbanding dengan universiti-universiti lain di negara ini.

Misalnya di Fakulti Undang-Undang, di mana para pelajar tahun akhir diberi pendedahan unik ke alam amalan guaman. Kerja-kerja amalan guaman dipraktikkan sepenuhnya dalam bilik kuliah mengikut firma guaman masing-masing dan mereka bekerja sebagaimana sebuah firma guaman. Melalui cara ini, graduan Undang-Undang UiTM bersedia untuk menjalankan tugas guaman apabila tamat pengajian.

Kerana inilah, graduan Undang-Undang UiTM, buat masa ini, berada pada kedudukan teratas berbanding graduan undang-undang dari universiti tempatan lain dari segi permintaan oleh pihak industri amnya dan firma-firma guaman khasnya. Mungkin kerana inilah juga telah membuatkan semakin ramai para ibu bapa memilih untuk menghantar anak-anak mereka mengikuti kursus Undang-Undang di UiTM ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pencarian ilmu pengetahuan adalah satu ibadah yang amat dituntut. Semua agama dan budaya di Malaysia menyarankan penganutnya supaya menuntut ilmu dan menggunakan ilmu dengan cara yang terbaik untuk kebaikan semua di dunia ini. Sekalipun kita merasakan kita sudah berjaya dan memiliki ilmu, namun itu tidak bererti kita boleh mendabik dada dan berasa besar serta meninggi diri, kerana ilmu yang kita perolehi itu hanya sedikit cuma berbanding dengan ilmu yang ada di dunia ini.

Saya ingin mengajak saudara-saudari untuk tidak berasa sombong dengan ilmu yang kita miliki ini, sebaliknya sentiasalah melengkapkan diri dengan ilmu demi kebahagiaan diri serta kemaslahatan umat keseluruhannya.

Jangan cepat berasa diri paling berilmu, walaupun sebagai ketua, kita harus bersedia untuk menerima teguran dan membuat penambahbaikan. Dalam menuntut ilmu, tuntutlah

ilmu dengan bersungguh-sungguh walau di mana saja, walaupun ianya amat menyukarkan. Kalau perlu, keluarlah ke negara-negara lain untuk mencari guru yang baik.

Bagaimana sukar sekali pun liku menuntut ilmu itu, asal saja bersungguh-sungguh serta ingat pada pesanan dan taat pada perintah Allah, pasti mendapat petunjuk dari-Nya.

Hadirin yang saya muliakan,

Saya percaya, hari ini adalah hari yang sangat bermakna buat kita semua. Saya percaya kejayaan ini amat dinanti-nantikan bukan saja oleh graduan semua, malah oleh ibu bapa sekalian. Segala penat jerih anak-anak mengharungi liku-liku menimba ilmu selama beberapa tahun mengikuti kursus masing-masing ternyata berhasil dengan kejayaan yang dikecapi hari ini.

Saya yakin kejayaan yang dicapai oleh para graduan adalah juga kejayaan bagi ibu ayah sekalian. Penat lelah mencari rezeki buat membiaya pelajaran anak-anak, pengorbanan,

sokongan dan yang penting sekali doa ibu ayah dan keluarga adalah sesuatu yang paling berharga dan harus dikenang oleh semua graduan, walaupun mereka tidak pernah minta dibalas.

Percayalah, mereka turut gundah gulana ketika anak-anak semua sedang menghadapi peperiksaan, malah di saat anak-anak berhempas pulas mengulang kaji, ibu ayah turut berjaga malam mempergiatkan solat hajat serta bermunajaat kepada Ilahi memohon kesejahteraan serta kejayaan anak-anak yang amat disayangi.

Selain itu jangan dilupa juga insan lain yang turut berkorban buat kejayaan anak-anak semua iaitu semua pensyarah-pensyarah yang tidak pernah juga mengenal penat lelah dalam mendidik dan mencurahkan ilmu serta memastikan kejayaan anak-anak sekalian. Para pensyarah yang berada di atas pentas ini pasti berasa puas hati kerana telah berjaya mendidik anak bangsa dengan pengetahuan dan kemahiran yang perlu untuk dimanfaatkan bagi memulakan kehidupan sebagai seorang profesional demi kemajuan diri, agama dan martabat

bangsa dalam mengharungi dunia yang penuh cabaran dan saingan. Maka hargailah pengorbanan mereka ini.

Para graduan yang saya sayangi,

Akhir kata jadilah anak yang soleh dan solehah kepada kedua-dua ibu bapa serta para pendidik dengan terus mendoakan kesejahteraan mereka dunia dan akhirat dan berjasalah pada UiTM.

Di kesempatan ini ingin saya berpesan kepada saudara-saudari semua. Saudara-saudari telah menghabiskan sekian tahun di UiTM berbekalkan kemudahan – harta benda dan wang ringgit – yang disalurkan terus oleh pihak kerajaan. Marilah kita renung sejenak di mana-mana. Namakan satu-dua negara yang memberikan pendidikan tinggi dengan kos yang paling minima seperti yang kita nikmati di sini. Saya percaya tidak ada mana-mana negara yang setanding dengan apa yang kita lakukan demi pendidikan tinggi anak-anak bangsa kita. Percayalah!

Oleh yang demikian, kembalikanlah ehsan tersebut dengan cara yang terpuji, berbudi dan selayaknya. Tidak banyak yang perlu saudara-saudari korbankan selain daripada berwawasan, kerja keras serta menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat yang sentiasa berterima kasih dan bersyukur kepada kerajaan. Milikilah sifat kental - *tak lapok dek hujan dan tak lekang dek panas*. Simpanlah niat untuk membalas budi kepada mereka yang telah berjasa.

Kepada saudara-saudari yang tergerak nak berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni yang disediakan di luar dewan. Semoga sumbangan alumni, yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswasiswi UiTM dapat terus belajar tanpa masalah kewangan sekali gus kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan. *Segenggam digunungan, setitik dilautkan.*

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan saudara-saudari semua. Saya berdoa semoga saudara-saudari akan terus maju dalam setiap lapangan yang diceburi. Biar di mana sekalipun kita berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UiTM di sudut hati kita.

**Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum
wbt.**

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 78

13 MEI 2013 (ISNIN)

SIDANG KELIMA

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 78

SIDANG KELIMA (PAGI)

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabara-katuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan berkat dan keizinan-Nya dapat kita bersama pada istiadat yang gemilang ini.

Pada sidang ke-5 Istiadat Konvokesyen Ke-78 pada pagi, seramai 1,004 graduan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP) menerima ijazah dan diploma masing-masing. Izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan serta ibu bapa yang hadir pada hari ini.

Sesungguhnya kejayaan graduan pada hari ini adalah hasil usaha dan ketekunan anda semua diiringi oleh doa dan sokongan dari ibu bapa serta bantuan para pensyarah yang tanpa rasa jemu mencurahkan ilmu kepada saudara-saudari. Tentunya saudara-saudari serta ibu bapa merasa bangga dan berbesar hati kerana

dapat mengharungi perjuangan ini sehingga berjaya ke matlamat yang dituju.

Saudara-saudari sekalian,

Tidak dapat dinafikan bahawa Fakulti Fakulti Pengurusan Perniagaan adalah fakulti yang terbesar dengan jumlah pelajar seramai 51,672 di seluruh negara. Demi menjamin para pelajar mendapat segala pengetahuan yang diperlukan pada zaman ini, Fakulti Pengurusan Perniagaan telah menggubal kurikulumnya dengan merangkumkan pengetahuan perniagaan, sastera dan sains.

Ini adalah untuk memastikan graduan fakulti ini dapat bersaing dengan institusi lain bagi melahirkan usahawan yang berketerampilan dan disegani. Dengan jalinan ilmu yang pelbagai, para graduan diharap mampu memberi impak yang berkesan kepada kerjaya yang diceburi sama ada di organisasi perniagaan atau bukan perniagaan. Saya berpendapat gabungan ini adalah

praktikal bagi memastikan FPP menonjolkan diri sebagai pemain utama dalam membekalkan modal insan yang berintegriti.

Untuk pengetahuan ibu bapa, fakulti ini mempunyai pelbagai program diploma, sarjana muda dan pasca siswazah yang ditawarkan di sebelas kampus cawangan. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa kita mempunyai wawasan untuk memberi peluang kepada pelajar melengkapkan pengajian mereka bersama-sama UiTM.

Mereka diberi pilihan kursus yang pelbagai. Mereka juga digalakkan mengembangkan ilmu yang dipelajari dengan mengadakan pelbagai aktiviti sosial di dalam dan luar negara. Sebagai alternatif, pelajar dari negara luar yang menuntut di insititusi berprestij diterima masuk ke fakulti ini dalam bentuk pertukaran pelajar. Jadi, tidak hairanlah pelajar-pelajar kita mudah berinteraksi dengan orang ramai sebab mereka sudah mendapat pendedahan sebegini ketika sewaktu di UiTM lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Interaksi sebegini adalah cukup penting pada zaman ini. Dalam era globalisasi ini kita harus menjalin hubungan erat dan secara luas bukan sahaja dengan institusi pengajian tinggi dan industri dalam negara tetapi juga dengan institusi pengajian tinggi dan industri di luar negara. Hubungan ini akan membawa persafahaman dalam beberapa suasana yang berlaku di tempat lain yang mempunyai implikasi kepada perniagaan.

Walaupun globalisasi mempunyai kelemahannya tersendiri dan dihujani beberapa kritikan setiap kali World Trade Organisasi (WTO) mengadakan konvensyennya kita harus menelitinya secara positif. Dalam apa cabaran jua pun kita harus berpegang teguh kepada pendirian dunia perniagaan dengan nilai yang tidak melanggar undang-undang negara dan antarabangsa serta agama.

Dunia tanpa sempadan membawa dan menambahkan peningkatan saingan sengit dan suasana baru yang mungkin berlainan daripada yang pernah kita alami. Kemasukan lebih banyak pesaing dan kewujudan suasana baru bererti jalan untuk bertahan akan bertambah sukar. Dan apatah lagi jalan menuju kemajuan.

Banyak organisasi perniagaan sedang mencari jalan untuk bertahan dan menghadapi cabaran yang dibawa oleh globalisasi. Satu jalan untuk bertahan dan maju yang harus difikirkan dan diamalkan oleh para graduan adalah mereka harus mempelajari erti kekentalan dan menyifatkannya sebagai rakan tanpa mengabaikan kepercayaan, pendirian agama dan prinsip hidup.

Pasaran pekerjaan adalah tempat di mana kebanyakan keputusan melibatkan pertalian atau hubungan kepercayaan atau pendirian seorang individu dan keusahawanan akan wujud dan terjalin. Saya dan pihak UiTM berkehendakkan agar saudara-

saudari menjadi lebih bersikap profesional dan prihatin dalam merebut peluang yang dibawa oleh arus globalisasi dan perkembangan teknologi. Saya juga berharap saudara-saudari tidak bersikap memencil dan lemah semangat apabila pintu saingan bertambah luas dan mencabar. Para graduan mestilah bersifat harus menegakkan nilai hidup dan selalu membuat keputusan berasaskan penilaian berfakta dengan data yang relevan dan kesedaran beretika.

Saya berharap setiap graduan fakulti ini boleh membawa perubahan dan menjadi sebahagian daripada legasi UiTM yang telah membawa perubahan dalam pelbagai lapangan di dalam dan luar negara. Kita berkehendakkan para graduan merasa bahawa apabila mereka meninggalkan UiTM mereka tetap merasa diri mereka sebahagian daripada komuniti atau masyarakat UiTM yang sentiasa teguh.

Saudara-saudari sekalian,

Di kesempatan ini ingin saya berpesan kepada saudara-saudari semua. Saudara-saudari telah menghabiskan sekian tahun di UiTM berbekalkan kemudahan – harta benda dan wang ringgit – yang disalurkan terus oleh pihak kerajaan. Marilah kita renung sejenak di mana-mana. Namakan satu-dua negara yang memberikan pendidikan tinggi dengan kos yang paling minima seperti yang kita nikmati di sini. Saya percaya tidak ada mana-mana negara yang setanding dengan apa yang kita lakukan demi pendidikan tinggi anak-anak bangsa kita. Percayalah!

Oleh yang demikian, kembalikanlah ehsan tersebut dengan cara yang terpuji, berbudi dan selayaknya. Tidak banyak yang perlu saudara-saudari korbankan selain daripada berwawasan, kerja keras serta menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat yang sentiasa berterima kasih dan bersyukur kepada kerajaan. Milikilah sifat kental - *tak lapok dek hujan dan tak lekang dek panas*.

Simpanlah niat untuk membalas budi kepada mereka yang telah berjasa.

Kepada saudara-saudari yang tergerak nak berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni yang disediakan di luar dewan.

Semoga sumbangan alumni, yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa masalah kewangan sekali gus kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan.

Segenggam digunungkan, setitik dilautkan.

Saya juga ingin mengingatkan saudara-saudari sekalian. Yang selalu berada di sisi kita dan memberi segala sokongan dan galakan adalah ibu bapa kita. Keberadaan mereka di sisi kita amat bernilai. Merekalah yang mendoakan kesejahteraan kita. Kerana itu kita berjaya pada hari ini.

Hari ini kita menerima diploma dan ijazah masing-masing. Kehadiran kita di atas pentas ini walaupun hanya beberapa saat membawa erti yang besar kepada ibu bapa kita dan kita harus berbangga di atas kejayaan mereka mendidik kita. Jangan sesekali mengabaikan mereka walaupun kita kelak sibuk dengan pelbagai urusan dan tugas. Ingatilah setiap pengorbanan mereka di mana saja kita berada.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum wbt.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 78

13 MEI 2013 (ISNIN)

SIDANG KEENAM

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 78

SIDANG KEENAM (PETANG)

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-78.

Istiadat Konvokesyen UiTM ke-78 sidang ke-6 pada petang ini menyaksikan seramai 994 orang graduan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan menerima diploma dan ijazah sarjana muda masing-masing. Maka izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan kerana usaha dan komitmen saudara-saudari yang bersungguh-sungguh yang membolehkan saudara-saudari akhirnya berjaya menerima diploma dan ijazah pada hari yang bersejarah ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada para ibu bapa graduan yang hadir bersama-sama pada hari ini.

Saya percaya kejayaan saudara-saudari semua tentunya telah diiringi dengan doa dan sokongan daripada mereka. Tidak dilupakan juga, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak

terima kasih kepada para pensyarah dan staf sokongan yang telah memberikan pengetahuan dan perkhidmatan tanpa jemu bagi memastikan saudara-saudari menjayakan projek-projek ilmiah sepanjang pengajian di UiTM.

Hadirin yang dihormati,

Fakulti Pengurusan Perniagaan telah dibina dan diterajui oleh mereka yang diberi tanggungjawab mentadbir melalui lunas-lunas yang berasaskan pengajaran, kerjasama dan persefahaman dengan organisasi dalam dan luar negara.

Hasilnya, kita berjaya mengeluarkan graduan yang menjadi pemimpin-pemimpin perniagaan di setiap industri di dalam dan di luar negara. UiTM boleh berbangga dengan faktor ini sebagai rangka garis pencapaian para graduannya.

Kejayaan ini adalah hasil daripada kemantapan kurikulum dan kursus dalam program-program perniagaan yang bersesuaian

dengan arus zaman, sehinggakan ia menjadi pilihan kepada ramai calon.

Saya ingin dan berharap Fakulti Pengurusan Perniagaan dapat mempamerkan dirinya sebagai fakulti yang menawarkan program-program perniagaan yang terbaik setanding dengan mana-mana institusi di dunia ini. Saya merasakan kita boleh mencapainya suatu masa nanti.

Untuk mencapai hasrat ini, fakulti harus memastikan pengetahuan dalam pengurusan perniagaan adalah besesuaian dengan kehendak dunia global. Dalam konteks ini kita harus menghargai kewujudan kepelbagaian dalam perniagaan atau "diversity in business". Justeru itu kita harus menerima pelajar, para akademik dan pentadbir yang cemerlang dari pelbagai lapangan perniagaan.

Modal insan yang diperoleh ini mestilah diberikan ilmu yang terkini dan dipupuk dengan budaya perniagaan positif. Budaya ini perlu merangkumi semua aspek kehidupan sebagai manusia yang bertanggungjawab menjalankan amanah. Budaya ini akan melahirkan para sarjana yang mampu melahirkan buah fikiran mantap dan bernas bagi memartabatkan kualiti para graduan dalam pekerjaan yang diminati mereka. Inilah kualiti yang kita mahu di UiTM ini.

Para graduan yang diraikan,

Kita perlu merasa bangga dengan kejayaan mengeluarkan ahli usahawan dan tokoh korporat yang telah berbakti kepada negara dengan baik. Dan saya yakin graduan yang berada di dalam dewan ini amat komited serta mempunyai keyakinan diri tinggi untuk berbakti kepada anak bangsa tidak kira di mana tempat kita bekerja nanti.

Saya mengharapkan para graduan dapat memainkan peranan dalam membawa perubahan kepada organisasi, masyarakat dan negara. Jadikan ini sebagai satu ethos kepada bakal-bakal pelajar dan mahasiswa sedia ada untuk mengekori jejak langkah saudara-saudari yang berjaya menduduki persada organisasi korporat dan kerajaan.

Buangkan segala sifat mementingkan diri, hasad dengki, berprasangka buruk dan prejudis yang menjadi batu penghalang kepada kemajuan kaum bumiputera. Hormatilah kepelbagaian agama dan budaya demi menyemarakkan perpaduan yang bermatlamatkan pencapaian status negara maju.

Para graduan juga sentiasa perlu ingat, supaya berhati-hati dalam memperjuangkan isu-isu semasa, supaya tidak diperlekehkan oleh orang-orang lain dan mengelakkan dari memperbesar-besarkan masalah yang remeh-temeh. Saudara-saudari harus

fokus dan prihatin dalam memperjuangkan perpaduan antara orang Melayu tanpa melibatkan mana-mana parti politik.

Ibu bapa merupakan pihak pertama yang memerlukan budi saudara-saudari. Hargai peranan serta pengorbanan ibu bapa yang tidak pernah berkira dalam hal-hal yang menyentuh kesejahteraan anak-anak mereka.

Saya juga berdoa semoga graduan sekalian insaf akan kedudukan bangsa yang sentiasa memerlukan perhatian dan keutamaan daripada saudara-saudari. Saya memohon para graduan untuk mengenang barang sejenak betapa segala apa yang saudara-saudari kecapi pada hari ini sebenarnya merupakan perancangan rapi serta wawasan bangsa kita yang sentiasa memikirkan mengenai kemanfaatan kita semua.

Oleh yang demikian, kembalikanlah ihsan tersebut dengan cara yang terpuji, berbudi dan selayaknya. Tidak banyak yang perlu

graduan semua korbankan selain daripada wawasan, kerja keras serta menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat yang sentiasa berterima kasih dan bersyukur mendapat perhatian sewajarnya daripada graduan sekalian.

Kepada saudara-saudari yang ingin berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang sekurang-kurangnya RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni yang disediakan di luar dewan. Melalui sumbangan alumni, diharap dana yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa masalah kewangan sekali gus kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan saudara-saudari semua. Saya berdoa semoga saudara-saudari akan terus maju jaya dalam segala lapangan yang

saudara-saudari ceburi dan usahakan. Dan biar di mana sekalipun kita berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UiTM di sudut hati kita. Biarlah UiTM ini sentiasa menjadi perkiraan dalam apa sahaja perancangan yang kita lakukan.

Sekiranya ditakdirkan Allah kelak, saudara-saudari menjadi orang yang berjaya dalam kerjaya, ingatlah bahawa di UiTM inilah tempatnya saudara-saudari pernah berada dan menuntut ilmu pengetahuan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

14 MEI 2013 (SELASA)

SIDANG KETUJUH

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

SIDANG KETUJUJUH (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu untuk bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA hari ini. Pada sidang ke-7 ini, kita baharu sahaja menyaksikan seramai 1,064 graduan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP) menerima ijazah sarjana muda masing-masing.

Izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan serta ibu bapa yang hadir pada hari ini. Sesungguhnya kejayaan saudara-saudari pada hari ini adalah hasil dari usaha dan ketekunan saudara-saudari semua diiringi oleh doa dan sokongan daripada ibu bapa serta bantuan para pensyarah yang tanpa rasa jemu mencurahkan ilmu kepada para pelajar. Tentunya saudara-saudari serta ibu bapa merasa bangga dan berbesar hati kerana dapat mengharungi perjuangan ini sehingga berjaya mencapai matlamat yang dituju.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Penggabungan antara Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Fakulti Pengurusan Teknologi Pejabat pada tahun 2011 telah memberi wajah baru kepada Fakulti Pengurusan Perniagaan. Gabungan ini juga bererti Fakulti Pengurusan Perniagaan adalah fakulti terbesar di UiTM dan mungkin di mana-mana universiti di Malaysia.

Namun perlu diingatkan bahawa saiz, kuantiti dan usia bukanlah faktor ukuran kejayaan sesuatu fakulti atau pun mana-mana organisasi. Dalam konteks sebuah universiti dan lebih-lebih lagi sebuah fakulti, apa yang lebih penting adalah kualiti para graduan yang kesannya dapat dirasakan di tempat kerja. Justeru itu ahli akademik, pentadbir serta para graduan harus bertekad membawa perubahan dalam pendidikan yang relevan dengan fakulti.

Sidang hadirin sekalian,

Iklim ekonomi disetiap negara kini bergantung kepada impak globalisasi. Kita tidak boleh elak dari impak globalisasi. Terimalah hakikat bahawa globalisasi akan bersama kita secara tetap. Kita harus menggunakan ketibaan globalisasi untuk menjalin hubungan erat dan secara luas dengan institusi pengajian tinggi dan industri diluar negara. Ini akan membawa implikasi kepada negara kita terutama dalam suasana perniagaan tanpa mengira apa ciri perniagaan dan dimana perniagaan itu berlaku.

Banyak organisasi perniagaan sedang mencari jalan untuk bertahan dan menghadapi cabaran yang dibawa oleh globalisasi. Satu jalan untuk bertahan dan bergerak maju yang harus difikirkan oleh para graduan adalah mereka harus mempelajari erti kekentalan dan menyifatkannya sebagai rakan tanpa mengabaikan kepercayaan, pendirian agama dan prinsip hidup.

Pasaran pekerjaan adalah tempat dimana kebanyakan keputusan melibatkan pertalian atau hubungan kepercayaan atau pendirian seorang individu dan keusahawanan akan wujud dan terjalin.

Saya dan pihak UiTM berkehendakkan agar saudara-saudari lebih bersikap profesional dan prihatin dalam merebut peluang yang dibawa oleh arus globalisasi dan perkembangan teknologi. Saya juga berharap saudara-saudari tidak bersikap memencil dan lemah semangat apabila pintu saingan bertambah luas dan mencabar. Para graduan mestilah bersifat harus menegakkan nilai hidup dan selalu membuat keputusan berasaskan penilaian berfakta dengan data yang relevan dan kesedaran beretika.

Saya berharap setiap graduan fakulti ini boleh membawa perubahan dan menjadi sebahagian daripada legasi UiTM yang telah membawa perubahan dalam pelbagai lapangan didalam dan luar negara. Kita berkehendakkan para graduan merasa bahawa apabila mereka meninggalkan UiTM mereka tetap

merasa diri mereka sebahagian daripada komuniti atau masyarakat UiTM yang sentiasa teguh.

Graduan yang diraikan,

UiTM adalah sebahagian dari agenda untuk mengangkat bangsa kita untuk menjadi bangsa bermartabat. Setakat ini UiTM telah berjaya merealisasikan sebahagian daripada agenda ini dengan melahirkan usahawan-usahawan bumiputera yang berjaya dan mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Bagimerealisasikan hasrat ini, kaum bumiputeraperlu meletakkan sasaran untuk memperoleh pendapatan yang seimbang dengan pendapatan kaum-kaum lain di Malaysia.

Untuk mencapai sasaran ini, kaum bumiputera perlu berubah dengan memberi sokongan dan kerjasama sesama bangsa kerana hanya melalui perpaduan bangsa sahajakeinginan tersebut boleh dicapai. Ada tiga nilai berbentuk subjektif yang

perlu dimiliki oleh kaum bumiputera untuk mencapai hasrat tersebut, iaitu nilai integriti, berilmu dan bekerja keras.

Para graduan UiTM juga perlu proaktif, lebih berusaha dan bersedia mengubah sikap dan minda untuk menjalankan perniagaan sendiri tanpa terlalu berharap bekerja dengan kerajaan. Secara tidak langsung, para graduan UiTM akan menambahkan bilangan teknokrat bumiputera yang berkeupayaan dan berkebolehan tinggi.

Disamping itu para graduan juga harus peka dengan cabaran mendatang melalui pembukaan pasaran perkhidmatan sejagat yang akan membawa kepada persaingan perkhidmatan. Oleh itu para graduan perlulah terus berusaha untuk melengkapkan diri dengan kelulusan yang lebih tinggi untuk menambah nilai kebolehpasaran ini.

Buangkan segala sifat mementingkan diri, hasad dengki, berprasangka buruk dan prejudis yang menjadi batu penghalang kepada kemajuan kaum bumiputera. Hormatilah kepelbagaian agama dan budaya demi menyemarakkan perpaduan yang bermatlamatkan pencapaian status negara maju.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan atas kejayaan yang dicapai ini. Usaha dan komitmen serta pengorbanan ibu bapa, penjaga dan semua pihak yang bukan sedikit telah membolehkan UiTM mencapai tahap kecemerlangannya pada hari ini.

Sentiasa tekadkan azam untuk menjadi individu yang terbaik. Aplikasikanlah segala ilmu yang dipelajari untuk kerjaya dan kehidupan yang cemerlang untuk membantu mengubah nasib diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Kepada saudara-saudari yang ingin berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang sekurang-kurangnya RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni yang disediakan di luar dewan. Melalui sumbangan alumni, diharap dana yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa masalah kewangan sekali gus kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan. Selamat menempuhi alam pekerjaan dalam bidang yang diceburi. Semoga sumbangan kita ini mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wataala.

Syabas kepada para graduan di atas pencapaian yang memberangsangkan ini.

Sekian, wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

14 MEI 2013 (SELASA)

SIDANG KELAPAN

14 Mei 2013 (Malaysia, Petang)

Saya bersyukur ka hadirat Allah SWT, kerana dengan limpah
rahmat-Nya, kita dapat berkumpul pada petang ini untuk
melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepada kita sebagai
kegapan ini.

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI
SALLEHUDDIN MOHAMED**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

SIDANG KELAPAN (PETANG)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada petang ini untuk melaksanakan Istiadat Konvokesyen ke-78, bagi sidang yang kelapan ini.

Pada hari yang bersejarah ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 960 graduan dari **Akademi Pengajian Bahasa** dan **Fakulti Pengurusan Perniagaan** kerana telah berjaya menamatkan pengajian setelah berhempas pulas menghadapi cabaran sebagai pelajar UiTM.

Pada hari ini, Istiadat Konvokesyen Ke-78 sidang ke-8 ini menyaksikan **131 graduan dari Akademi Pengajian Bahasa** menerima ijazah sarjana muda dan seramai **829 graduan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan** menerima diploma masing-masing. Izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan serta ibu bapa yang hadir pada hari ini.

Hadirin yang dihormati

Hari ini adalah hari yang amat bermakna kepada para graduan, ibu bapa dan kita semua kerana pada hari ini kita telah menyaksikan kejayaan para graduan setelah menempuh penat-lelah menimba ilmu. Kepada ibu bapa, saya percaya kejayaan anak-anak kita ini adalah merupakan saat yang kita tunggu-tunggu sekian lama. Sesungguhnya kejayaan saudara-saudari pada hari ini adalah hasil daripada usaha dan ketekunan saudara-saudari semua serta diiringi oleh doa dan sokongan daripada ibu bapa serta bantuan para pensyarah yang tanpa rasa jemu mencurahkan ilmu kepada para pelajar. Tentunya saudara-saudari serta ibu bapa berbangga dan berbesar hati kerana dapat mengharungi perjuangan ini sehingga berjaya mencapai matlamat yang dituju.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Akademi Pengajian Bahasa pada tahun ini, telah menyambut ulang tahunnya yang ke-40. Selama 40 tahun ini, pelbagai

kejayaan telah diukir oleh akademi ini. Akademi Pengajian Bahasa telah melahirkan ramai graduan yang disifatkan terbaik, terutama dari segi kemahiran penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, sejajar dengan langkah UiTM mewajibkan pelajar mengikuti pelajaran bahasa ketiga, Akademi Pengajian Bahasa telah melaksanakan tanggungjawabnya untuk menyediakan graduan dengan penguasaan bahasa ini dengan harapan untuk menambah nilai kebolehpasaran para graduan di samping dapat menghadapi cabaran sebenar di dunia luar yang penuh dengan persaingan.

Graduan ijazah **Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Bahasa Melayu Komunikasi Profesional) dan (Bahasa Inggeris Komunikasi Profesional)**, Akademi Pengajian Bahasa yang menerima ijazah pada petang ini, mempunyai potensi dan prospek yang luas dalam kerjaya di negara kita. Ini kerana mereka mempunyai kemahiran berkomunikasi yang tinggi dan efektif yang sangat diperlukan oleh majikan di sektor kerajaan mahu pun swasta. Graduan UiTM sentiasa mendapat

pujian daripada majikan kerana kebolehan berkomunikasi mereka. Antara bidang yang telah diceburi oleh graduan ialah bidang penulisan, penterjemahan, penerbitan, pendidikan, perniagaan, pemasaran, pentadbiran awam, penyiaran dan pelancongan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pada petang ini juga, graduan **Diploma in Office Management** dari **Fakulti Pengurusan Perniagaan** memperolehi diploma masing-masing. Graduan daripada fakulti ini mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam pengurusan pejabat. Program **Office Management** yang telah diikuti oleh para graduan ini merupakan satu program yang seimbang. Keseimbangan program yang disediakan menjamin bahawa setiap graduan daripada fakulti ini adalah berkebolehan untuk bekerja dalam apa jua bidang atau industri yang dipilih mengikut kesesuaian kelulusan mereka.

Graduan sekalian

Saudara-saudari haruslah sedar bahawa hasil kejayaan saudara-saudari ini tidak akan dikecapi jika bukan kerana tertubuhnya UiTM. UiTM ditubuhkan bagi memastikan nasib dan masa depan kaum bumiputera akan terus terjamin. Objektif penubuhan institusi ini adalah untuk menjadi pemangkin pembangunan masyarakat bumiputera. Oleh sebab itu, kejayaan anda menjadi seorang graduan yang berkualiti tinggi, berkaliber dan berpekerti mulia akan mencerminkan kejayaan perjuangan UiTM. Berpeganglah kepada prinsip "UiTM Sentiasa Dihatiku".

UiTM adalah sebahagian daripada agenda nasional untuk mengangkat martabat bangsa kita. Sehinggakini, UiTM telah berjaya merealisasikan sebahagian besar daripada agenda ini dengan melahirkan profesional dan usahawan bumiputera yang berjaya dan mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Bagi merealisasikan hasrat ini, kaum bumiputera perlu meletakkan sasaran untuk memperolehi pencapaian yang

seimbang dengan pencapaian kaum-kaum lain di Malaysia. Untuk mencapai sasaran ini, kaum bumiputera perlu mengubah paradigma dengan memberi sokongan dan kerjasama sesama bangsa. Hanya melalui perpaduan bangsa sahaja keinginan tersebut boleh dicapai. Ada beberapa nilai yang perlu dimiliki oleh kaum bumiputera untuk mencapai hasrat ini, iaitu nilai integriti, berilmu dan bekerja keras.

Saudara-saudari harus mempunyai integriti dan berpendirian tinggi, menepati masa serta berkebolehan bekerja dalam suasana yang sukar. Walaupun penggunaan budi bicara ditekankan kepada saudara-saudari, tetapi saudara-saudari harus ingat bahawa mempunyai sifat ketegasan adalah samapenting. Ini bererti jika sesuatu keputusan dibuat ia harus ditepati tanpa berkompromi. Ini akan memastikan saudara-saudari konsisten dalam membuat keputusan serta tidak senang dipengaruhi oleh pihak lain.

Justeru itu, memandangkan pelbagai tugas yang akan dipikul, saudara-saudari diharap berkebolehan dalam serba serbi. Dalam erti kata lain, saudara-saudari harus *versatile* dan boleh dibawa kekiri dan kekanan.

Saudara-saudari mungkin mengaitkan diri saudara-saudari dengan dunia pekerjaan. Perlu diingat jika saudara-saudari fikir kehidupan sebagai pelajar adalah sukar, kehidupan sebagai pekerja, majikan atau usahawan adalah lebih sukar. "The outside world is tougher."

Penyediaan untuk para graduan menghadapi dunia pekerjaan memang difahami oleh UiTM. Oleh sebab itulah, aktiviti kokurikulum setiap program diploma dan ijazah di UiTM meliputi pelbagai aktiviti akademik dan bukan akademik untuk membentuk diri saudara-saudari sebagai insan holistik. Justeru itu saudara-saudari diharap telah menerima manfaat untuk mempersiapkan diri untuk dunia pekerjaan semasa berada di UiTM.

Graduan yang dikasihi

Hari ini adalah permulaan jalanan saudara-saudarikesuatu tahap yang lebih tinggi, capailah seberapa yang boleh. Namun, setinggi mana pun saudara-saudari berada, saya mengharapkan jangan sesekali lupa pengorbanan ibu bapa, penjaga dan para pensyarah yang pernah membimbing saudara-saudariserta institusi ini yangbanyak membantu saudara-saudari sehingga berjaya.

Marilah kita memberi penghargaan dan terima kasih kepada para pensyarah dan seluruh warga UiTM yang telah mengorbankan ilmu, masa dan tenaga mereka untuk mendidik anda. Jasa dan pengorbanan mereka ibarat lilin yang membakar diri untuk menerangi kegelapan. Akhir sekali, jadilah anak bangsa yang sentiasa mengenang budi, bertanggungjawab, beriltizam dan bersyukur kepada kerajaan yang sentiasa prihatin akan keperluan saudara-saudari. Peliharalah nama baik UiTM dan huluskanlah bantuan untuk meneruskan tradisi

gemilang UiTM walaupun saudara-saudari telah meninggalkan UiTM.

Hadirin yang saya hormati

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana kejayaan saudara-saudari semua. Saya berdoa semogasaudara-saudarisemua akan terus cemerlang dan berjaya dalam segala lapangan yang diceburi. Sekalung tahniah kepada Akademi Pengajian Bahasa dan Fakulti Pengurusan Perniagaan yang telah berjaya mengeluarkan graduan cemerlang pada hari ini.

Hadirin sekalian, izinkan saya mengakhiri ucapan penganugerahan pada petang ini dengan membaca dua rangkap pantun:

Bunga melati tumbuh di darat,

Bunga seroja di tepi kali,

Hina besi kerana karat,

Hina manusia tidak berbudi.

Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa,
Indah tampan kerana budi,
Tinggi darjat kerana bahasa.

Sekian. Wabillahi Taufik WalhidayahWassalamu alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UITM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UITM KE – 78

TEKS UCAPAN

SIDANG KESEMBILAN (PAGI)

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

15 MEI 2013 (RABU)

SIDANG KESEMBILAN

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

SIDANG KESEMBILAN (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu wata'ala kerana, dengan barakah dan keizinan-Nya jua, dapat kita bersama dalam istiadat yang sungguh bermakna dan amat istimewa kepada para graduan dan keluarga mereka.

Sebentar tadi kita telah menyaksikan penganugerahan ijazah dan juga diploma kepada seramai 1051 graduan Fakulti Perakaunan.

Kepada semua graduan, tahniah dan syabas saya ucapkan atas kejayaan yang anda kecapai hari ini. Tentu sekali, kehadiran para graduan pada istiadat konvokesyen ini adalah bukti kesungguhan dan komitmen anda untuk menjadi lebih mulia sebagai insan yang berilmu, dan, insya Allah, menjadi warga negara Malaysia yang berpengetahuan dan mampu memainkan peranan untuk memajukan tanah air tercinta ini.

Sesungguhnya, istiadat yang penuh gilang-gemilang ini seharusnya diraikan dengan penuh kesyukuran; para graduan

telah pun berjaya menempuh segala ranjau dan onak duri, demi mencapai cita-cita untuk menggenggam segulung ijazah. Harapan saya semoga para graduan tidak akan sekali-kali melupakan jasa ibu bapa atau penjaga selama ini.

Tahniah juga saya ucapkan kepada ibu bapa, ahli keluarga yang lain serta sanak-saudara semua graduan kerana segala pengorbanan dan sokongan yang diberikan selama mereka berada di universiti ini terbukti bukan sesuatu yang sia-sia. Malahan, saya percaya para graduan telah menghadiahkan kepada tuan-tuan serta puan-puan sesuatu yang sungguh membanggakan.

Saya juga berkongsi gembira atas kejayaan para graduan sekalian. Saya yakin begitu juga para pensyarah di Fakulti Perakaunan. Sesungguhnya, mereka tidak pernah jemu mendidik dan berkongsi ilmu dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja bijak dalam akademik, malah tinggi nilai budi bahasanya.

Oleh itu, setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada para pensyarah atas usaha dan tunjuk ajar tuan-tuan dan puan-puan selama ini untuk menjadikan graduan UiTM, khususnya di Fakulti Perakaunan, modal insan dan aset Negara yang berharga.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Matlamat utama penubuhan UiTM ialah untuk melahirkan profesional bumiputera dalam pelbagai bidang dan industry, termasuklah, sains dan teknologi, perdagangan, pentadbiran dan kemasyarakatan. Kita harus tidak lupa bahawa, tanpa sokongan padu yang diberikan oleh Kerajaan, tanpa keistimewaan yang dipertahankan untuk bangsa kita, mungkin bangsa kita tidak mampu berdaya saing di peringkat global seperti mana sekarang ini. Inilah yang kita mahukan, bangsa yang berkeyakinan untuk terus maju ke hadapan; bangsa yang dipenuhi dengan ilmu pengetahuan; bangsa yang akan terus bersatu padu berpegang teguh kepada ajaran agama; itulah

yang diterapkan oleh UiTM kepada semua graduan dan alumni UiTM.

UiTM ditubuhkan bagi memastikan agar kedudukan bumiputera di negara tercinta ini akan terus maju dan berdaya saing, di samping menjadi pemangkin pembangunan masyarakat yang berilmu dan beretika tinggi. Oleh yang demikian, kejayaan perjuangan UiTM hanya boleh dibuktikan dengan kejayaan yang berkualiti tinggi di kalangan para graduan.

Seorang graduan yang berkualiti tinggi bukan hanya diukur melalui kelulusan akademik yang cemerlang, malahan, haruslah memiliki nilai etika yang unggul, di samping terpupuk dengan peribadi yang terbilang.

Dalam hal ini, saya mengucapkan syabas kepada Fakulti Perakaunan, yang merupakan salah satu fakulti yang terawal di

UiTM dan masih meneruskan budaya cemerlangnya, mendidik anak bangsa dalam bidang yang sememangnya mencabar.

Bermula dengan program pertama yang diperkenalkan pada tahun 1956, iaitu, program London Chambers of Commerce and Industry (LCCI), Fakulti Perakaunan terus mara dengan menawarkan program-program yang berdaya saing, di pelbagai peringkat pengajian, bagi memastikan wujudnya kesinambungan ilmu perakaunan yang boleh dijadikan wadah oleh anak bangsa agar berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan bangsa lain di Malaysia dan di dunia.

Hari ini, saya ingin sama-sama meraikan kejayaan Fakulti Perakaunan mempertahankan kedudukannya sebagai sebuah fakulti yang relevan. Kita sedia maklum, Fakulti Perakaunan merupakan satu-satunya institusi pengajian tinggi awam yang menawarkan program profesional seperti Certified Accounting Technician, Association of Chartered Certified Accountants, dan Chartered Institute of Management Accountants.

Para graduan sekalian,

Saya ingin berpesan: Profesion perakaunan merupakan sebuah profesion yang menuntut nilai etika yang tinggi. Perlu ada dalam diri saudara-saudari kewibawaan atau integriti, sifat adil dan objektif, dan kebertanggungjawaban atau akauntabiliti. Akauntan yang berjaya di dunia dan di akhirat, haruslah memiliki nilai-nilai tersebut dalam menjaga kepentingan syarikat serta pemegang taruh yang lain.

Graduan perakaunan universiti perlu menyemai ciri-ciri nilai tambah dalam menjalankan amanah sebagai pengamal bidang perakaunan. Penting bagi anda bertanggungjawab bukan hanya dalam hal dan urusan kewangan syarikat, bahkan dalam hal-hal lain yang berkaitan, yang turut memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat sekitarnya.

Pelbagai kes penyelewengan di dalam dan luar negara yang boleh diambil ikhtibar sebagai salah satu cara bagi memastikan graduan perakaunan keluaran UiTM terpupuk dengan nilai-nilai

murni dan tahap keinsafan yang tinggi dalam memainkan peranan sebagai khalifah di muka bumi.

Para graduan yang dikasihi,

Perjalanan alam baru anda sudah bermula. Gunalah ilmu yang dicurah sebaik-baiknya. Bagi yang beragama Islam, berpeganglah pada ajaran al-Qur'an dan jadikan agama sebagai cara hidup dalam menangani segala ujian pada era yang mencabar ini. Jadilah seorang graduan yang dapat meletakkan maruah agama, harga diri, dan jati diri bangsa di tempat yang paling tinggi. Insya-Allah, pengakhiran kita akan cemerlang.

Alhamdulillah, setakat ini UiTM telah berjaya melengkapkan para siswa-siswinya dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai disiplin dan berjaya menembusi pasaran pekerjaan. Saya menumpang gembira dengan hakikat bahawa Fakulti Perakaunan mempunyai ramai alumni yang memegang

jawatan penting di sektor korporat dan sektor awam, di dalam dan di luar negara.

Walau bagaimanapun, para graduan janganlah hanya memburu kerja yang bergaji tetap. Para graduan haruslah bersikap lebih inovatif dan progresif, termasuklah berani menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Dengan cara ini, para graduan UiTM akan menambahkan bilangan teknokrat bumiputera yang berkeupayaan dan berkebolehan tinggi.

Untuk menjadi profesional yang berketrampilan atau usahawan yang terbilang, para graduan mestilah bersikap responsif dan berdaya saing. Bebaskan diri anda dari segala sifat negatif yang boleh menjadi penghalang kepada kemajuan bumiputera, seperti sifat mementingkan diri, hasad dengki, berprasangka buruk, busuk hati dan prejudis. Negara kita Malaysia mempunyai kepelbagaian agama dan budaya. Hormatilah kepelbagaian agama dan budaya ini. Dengan ini, insya-Allah,

status negara maju akan tercapai dalam tempoh kurang daripada tujuh tahun lagi, sepertimana yang dihasratkan.

Akhir kata, saya serta seluruh warga UiTM ingin mengucapkan tahniah dan syabas sekali lagi kepada semua graduan dan mendoakan agar anda semua berupaya melalui liku-liku kehidupan dengan ketabahan dan semangat yang tinggi.

Sekian

Wassalamualaikum warahmatullahi wabaraka-tuh
dan terima kasih.

TEKS UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

15 MEI 2013 (RABU)

SIDANG KESEPULUH

UCAPAN
YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID
PRO-CANSELOR UiTM
DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78
SIDANG KESEPULUH (PETANG)

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Terlebih dahulu, marilah kita memanjat kesyukuran kerana, dengan izin Allah Subhanahu wata'ala, kita diberi kelapangan waktu dan kesihatan badan untuk berhimpun dalam dewan yang indah ini, bagi meraikan kejayaan para graduan pada istiadat yang sungguh bermakna dan penuh dengan adat kesantunan bangsa. Alhamdulillah, segala usaha gigih dan kesungguhan sepanjang tempoh pengajian di universiti, akhirnya menghasilkan kejayaan yang amat istimewa ini kepada para graduan.

Sebentar tadi kita telah pun menyaksikan penganugerahan ijazah dan juga diploma kepada seramai 1,001 graduan, merangkumi 195 graduan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma, Fakulti Filem, Teater dan Animasi, 519 graduan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, dan 287 graduan Diploma, Fakulti Perakaunan.

Kepada semua graduan, tahniah dan syabas saya ucapkan atas kejayaan anda menambah ilmu demi menjamin masa depan yang lebih cerah.

Tentu sekali, kehadiran para graduan pada istiadat konvokesyen ini, adalah bukti kesungguhan dan komitmen anda untuk menjadi lebih baik daripada sebelumnya dan, insya Allah, menjadi warga negara Malaysia yang berpengetahuan dan mampu memainkan peranan untuk memajukan tanah air tercinta ini.

Sesungguhnya, istiadat yang penuh gilang-gemilang ini seharusnya diraikan dengan penuh kesyukuran. Para graduan telah pun berjaya menempuh segala ranjau dan onak duri, demi mencapai cita-cita untuk bergelar graduan universiti.

Harapan saya semoga para graduan tidak akan sekali-kali melupakan jasa ibu bapa, penjaga, ahli keluarga dan saudaramara yang, selama ini, banyak membantu dalam usaha anda

menjejaki cita-cita sehingga anda mencapai kejayaan pada hari ini.

Tahniah juga saya ucapkan kepada ibu bapa, penjaga, ahli keluarga yang lain, dan sanak-saudara yang hadir. Segala pengorbanan dan sokongan yang diberikan selama mereka berada di universiti ini, terbukti bukan sesuatu yang sia-sia. Anggaph kejayaan para graduan pada hari ini sebagai hadiah istimewa buat tuan-tuan dan puan-puan.

Saya juga berkongsi gembira atas kejayaan para graduan sekalian. Saya percaya para pensyarah anda juga turut berbangga dengan kejayaan yang anda perolehi. Sesungguhnya, merekalah insan yang memainkan peranan utama dalam membentuk pemikiran dan menambah pengetahuan anda sebagai bekalan menempuh fasa yang seterusnya dalam hidup.

Oleh itu, setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada para pensyarah ketiga-tiga fakulti atas komitmen dan kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan mengilmukan anak bangsa, dan membudayakan ilmu di kalangan mereka, supaya boleh dijadikan modal insan dan aset yang berharga kepada negara. Semoga Allah swt merahmati tuan-tuan dan puan-puan atas kebaikan yang dipamerkan dalam mendidik anak bangsa.

Pada masa yang sama, kita harus jangan lupa bahawa, tanpa sokongan padu yang diberikan oleh Kerajaan, tanpa keistimewaan yang dipertahankan untuk bangsa kita, mungkin bangsa kita tidak mampu berdaya saing di peringkat global seperti mana sekarang ini. Inilah yang kita mahukan: bangsa yang berkeyakinan untuk terus maju ke hadapan; bangsa yang dipenuhi dengan ilmu pengetahuan; bangsa yang akan terus bersatu padu berpegang teguh kepada ajaran agama. Itulah yang diterapkan oleh UiTM kepada semua graduan dan alumni UiTM.

... yang sihat dan bermanfaat. Kewujudan Fakulti Film, Teater dan Animasi (FiTA), sejak hampir 20 tahun lalu, telah memanfaatkan graduan yang berkecekapan dan kreatif, lantaran

Kepada graduan Fakulti Filem, Teater dan Animasi:

Harapan saya, semoga anda komited untuk mengubah persepsi masyarakat bahawa bidang filem, teater dan animasi bukan semata-mata berteraskan hiburan.

Anda perlu yakinkan masyarakat bahawa bidang yang diceburi di UiTM, merangkumi pelbagai bidang ilmu, seperti pendidikan, pengajaran dan pembelajaran *psychomotor skills* yang membentuk peribadi manusia. Justeru, apabila menceburi kerjaya yang dipilih, anda perlu ada usaha dan tekad untuk merubah persepsi masyarakat, sekali gus, mengangkat industri hiburan dan kesenian menjadi satu komoditi yang bukan sedikit manfaatnya dari segi ekonomi, di samping nilai-nilai estetik sedia ada.

Dunia tidak akan sekata, ceria dan makmur tanpa bidang hiburan yang sihat dan bermanfaat. Kewujudan Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FiTA), sejak hampir 20 tahun lalu, telah memanfaatkan graduan yang berinovatif dan kreatif, lantaran

memakmurkan industri hiburan negara, dalam acuan sebuah negara-bangsa berjenama 'Malaysia'.

Namun, yang paling penting sekali ialah peranan anda sebagai pencetus pemikiran rakyat melalui wahana filem, teater dan animasi itu sendiri. Jadilah agen pengubah yang tegar mengangkat martabat bangsa dan kedaulatan negara, melalui hasil-hasil karya yang menusuk kalbu, membuka minda, menyemarak semangat untuk membangunkan jiwa bangsa yang jati dirinya Melayu dan peribumi Malaysia, walau di mana pun mereka berada.

Syabas kepada warga Fakulti atas usaha gigih untuk memartabatkan industri berkaitan hiburan, dengan menghasilkan graduan yang dinamik, berilmu dan berdaya maju. Teruskan usaha tuan-puan untuk menjenama bangsa Melayu sebagai bangsa tersohor.

Kepada para graduan Fakulti Perakaunan

Anda seharusnya berbangga menjadi sebahagian daripada lipatan sejarah fakulti yang wujud sejak UiTM ditubuhkan sebagai Dewan Latihan RIDA pada tahun 1956, bersama dengan Fakulti Pengurusan Perniagaan.

Bermula dengan LCCI atau *London Chambers of Commerce and Industry*, yang ditawarkan ketika itu, Fakulti Perakaunan terus menganjak, setapak demi setapak, dan kini menawarkan program-program yang berdaya saing, di pelbagai peringkat pengajian. Ini bagi memastikan wujudnya kesinambungan ilmu perakaunan yang boleh dijadikan wadah untuk anak bangsa, agar berdiri sama tinggi duduk sama rendah baik di dalam negara mahupun di persada dunia.

Saya percaya, selama tempoh pengajian di universiti, siswa-siswi perakaunan dididik dan didedahkan dengan nilai-nilai murni yang sinonim dengan etika profesion perakaunan agar terus dijulang sebagai bidang yang menuntut tahap ketelusan,

kewibawaan dan akauntabiliti yang tinggi di kalangan pengamalnya. Lantaran itu, bagi memastikan bangsa kita terus dihormati dan disanjung, graduan-graduan perakaunan perlu ada kesedaran dalam diri akan peri pentingnya anda terpupuk dengan integriti, sifat adil dan objektif, dan kebertanggungjawaban.

Kepada para graduan Fakulti Komunikasi dan Pengajian

Sememangnya, akauntan yang berjaya di dunia dan di akhirat, haruslah memiliki nilai-nilai murni tersebut, bukan sahaja di tempat kerja, malahan dibudayakan dalam kehidupan seharian.

Ambillah iktibar daripada dengan negara-negara maju yang menerajui bidang tersebut.

pelbagai kes penyelewengan di dalam dan luar negara yang berkaitan dengan bidang perakaunan. Jadikanlah diri anda contoh ikutan, dan jadikanlah UiTM model gedung ilmu yang melahirkan graduan perakaunan yang terpupuk dengan nilai-nilai murni dan tahap keinsafan yang tinggi.

menyumbang bakti kepada UiTM, tempat di mana mereka dibijil ilmu dan dilatih untuk menampilkan profesionalisma mereka dalam

Kepada pensyarah dan juga graduan fakulti, semoga anda dapat terus memainkan peranan dengan berkesan sebagai khalifah di muka bumi, dalam erti kata sebenar 'khalifah' sebagai pemimpin yang membawa kepada kebaikan dan pengukuhan ummah.

Kepada para graduan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media

Harapan saya semoga langkah para graduan ke dalam dunia kerjaya akan memperkukuh arena komunikasi dan media massa negara, setanding dengan negara-negara maju yang menerajui bidang tersebut.

Saya menumpang bangga kerana ramai alumni Fakulti Komunikasi dan Media Massa berjaya mengukir nama di persada yang tinggi dalam bidang yang diceburi. Malahan, nama-nama besar ini, terus memainkan peranan menyumbang bakti kepada UiTM, tempat di mana mereka dititip ilmu dan dilatih untuk menampilkan profesionalisma mereka dalam

kerjaya, selain dipupuk dengan pemikiran yang kritis dan objektif.

Dengan ini, saya menyeru kepada para graduan sekalian supaya meneruskan tradisi yang dijulung oleh alumni-alumni sebelum ini, agar semangat di sebalik pepatah “tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain” akan hidup subur dalam jiwa anda.

Hulurkanlah bantuan kepada alma mater anda apabila bantuan diperlukan. Pinjamkanlah kepakaran anda, apabila kepakaran didambakan. Hadirkanlah diri anda, apabila kehadiran dipinta. Salah satu faktor yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan agenda universiti ialah sokongan padu dari alumni, sama ada melalui penglibatan secara langsung atau sumbangan kewangan dan kepakaran.

Pahatkanlah dalam jiwa anda satu keinsafan bahawa banggunya anak bangsa dalam pelbagai bidang penting di tanah air tercinta ini, sebahagian besarnya bermula di institusi ini, yang dibangunkan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu, agar bangsa Melayu menjadi bangsa hebat, dan kaum bumiputera terbela nasibnya. Semarakkanlah jiwa anda dengan rasa kasih dan sayang kepada universiti ini, agar anda tidak akan pernah lupa bahawa “di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung”.

Walau sejauh mana pun kembara anda, walau setinggi mana pun pangkat yang dicapai, jangan sesekali menidakkan jasa dan pengorbanan para pensyarah dan warga UiTM yang lain, yang telah melebarkan laluan untuk anda mencapai hasrat dan cita-cita dalam bidang yang diceburi kelak.

Harapan saya, semoga para graduan akan dapat memainkan peranan sebaik mungkin setelah menjadi sebahagian daripada sumber manusia negara. Binalah jati diri agar anda sentiasa terarah untuk melestari agenda bangsa, supaya anda berupaya

untuk memainkan peranan sebagai agen perubahan kepada masyarakat dan negara.

Apa pun karya yang dihasilkan, apa pun tugas yang digalas, pastikan bahawa anda bertanggungjawab untuk meletakkan negara di kedudukan yang lebih baik. Tidak kira apa anutan agama kita, tidak kira apa ideologi idaman hati, kita semua hanya ada satu Malaysia sebagai dahan tempat bergantung, sebagai rimbun tempat berteduh – tidak ada duanya Malaysia kita ini.

Kepada para pensyarah, syabas saya ucapkan atas segala jasa dan bakti yang dicurahkan demi mengubah destini anak bangsa ke tahap yang lebih mulia. Semoga tanggungjawab berat yang dipikul bagi mengilmukan anak bangsa akan sentiasa didorong semata-mata oleh niat murni, demi untuk memperkukuh ukhwah Islamiah bagi yang beragama Islam, selain menanam rasa kecintaan yang mendalam pada tanah air

tercinta, bagi seluruh anak didik di Fakulti tuan-tuan dan puan-puan.

Sekian,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabaraka-tuh

dan salam sejahtera.

UCAPAN

YBHG. DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR

TEKS UCAPAN

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

**YBHG. DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

PRO-CANSELOR UiTM

**DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78
18 MEI 2013 (SABTU)**

SIDANG KESEBELAS

Sidang 11 / 19 Mei 2013 (Sabtu, Pagi)

Alhamdulillah, bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu wa Ta'ala, kerana dengan izin Allah kita dapat berjumpa untuk bersama-sama...

Universiti Teknologi MARA ke-78 ini...

UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

SIDANG KESEBELAS (PAGI)

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Pegawai-Pegawai Utama Universiti
 - Penolong-Penolong Naib Canselor
 - Ketua-Ketua Bahagian
 - Dekan-Dekan Fakulti
 - Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
 - Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian
-
- Yang Datu' Sri Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala, kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu untuk bersama-sama meraikan **Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-78** ini.

Sempena hari yang penuh bermakna ini, khususnya kepada para graduan, ibu bapa serta ahli keluarga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas, kepada 924 graduan dari **Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Fakulti Sains Kesihatan dan Fakulti Farmasi**.

Sesungguhnya, hari ini anak-anak sekalian telah berjaya sampai ke penghujung kembara yang penuh cabaran setelah bertahun bergelar mahasiswa dan mahasiswi UiTM yang tercinta ini.

Malahan, dengan terenggamnya segulung ijazah atau diploma pada hari ini, tanpa disedari, para graduan telah menghadiahkan satu cendera kenangan yang tidak ternilai kepada ibu bapa, para pensyarah, bahkan juga kepada guru-guru yang mendidik anak-anak semasa di bangku sekolah dahulu.

Ini sekali gus, membuktikan bahawa usaha dan pengorbanan mereka mengisi ilmu di dada anak-anak selama ini, akhirnya membuahakan hasil. Saya percaya, sekiranya anak-anak sekalian bijak mengatur langkah seterusnya, dalam meniti kehidupan di luar gedung ilmu ini, maka terjamin dan bahagialah kehidupan anak-anak sekalian di hari mendatang, insya-Allah.

Justeru, saya minta para graduan sekalian berdiri untuk memberi tepukan kepada para pensyarah dan para pentadbir yang telah mencurahkan bakti, khidmat serta tenaga dalam mendidik para graduan sehingga membawa kepada kejayaan anda hari ini.

Sekarang sila pandang ke belakang dan berikanlah tepukan yang paling gemuruh kepada ibubapa yang telah mendidik dan membesarkan anda dengan penuh kasih sayang.

(Setelah selesai tepukan....)

Sila duduk semula.... Terima kasih...

Kepada ibu bapa, para penjaga dan para pensyarah sekalian, setinggi-tinggi tahniah serta syabas saya ucapkan, kerana telah terbukti bahawa usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini, tidak sia-sia.

Kepada para graduan sekalian, saya menaruh harapan agar anda semua akan tegar menjaga nama baik universiti apabila melangkah ke fasa seterusnya, sama ada sebagai warga kerja, ataupun dalam menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi.

Jadilah alumni universiti yang sentiasa berbahasa kepada yang memberi, setelah merasa kebaikan daripada pihak yang berbudi. Jadilah aset negara yang profesional, berwibawa, prihatin, berdaya maju dan produktif, dalam apa jua bidang yang diceburi.

Jadilah warga negara yang berperanan melestarikan pembangunan negara, dan jangan sekali-kali menghancurkan apa yang telah dibina atas keringat dan wawasan pemimpin-pemimpin terdahulu.

Apa pun pendirian kita, siapa pun idola kita, apa pun parti idaman hati, dan apa pun asas perjuangan kita, janganlah sampai tanah air tercinta dijadikan taruhan untuk menjejaki apa yang belum pasti; kerana yang sudah pasti sekarang ini, ialah Malaysia kita berada di landasan yang betul untuk mencapai status negara maju – baik dari segi perancangan mahupun hala tuju.

Walaupun tidak semuanya indah di pandang mata, walaupun ada cacat celanya, namun sebagai rakyat negara yang aman makmur ini, penting bagi kita

berganding bahu, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing, ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni, bagi memperbetul yang silap, mencantikkan yang hodoh, melicinkan yang kusut, tanpa menggadai keamanan negara tercinta.

Insya-Allah, tanah tumpah darah ini, akan anda warisi. Lantaran itu, pastikanlah apa yang diwarisi adalah lebih baik daripada sekarang, tanpa mencetus perpecahan antara sebangsa, serumpun ataupun seakidah, tanpa menagih ihsan daripada anasir luar yang belum tentu keikhlasannya menghulur bantuan.

Berpeganglah pada semangat di sebalik pepatah Melayu lama, "Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri."

Untuk mencapai hasrat murni ini, saya mengharapkan agar para graduan menanam tekad untuk menjadi alumni UiTM yang patriotik kepada negara, dan setia kepada perjuangan universiti ini.

Sesungguhnya, UiTM tidak pernah tersasar daripada matlamatnya untuk memperkasa bangsa Melayu dan etnik bumiputera yang lain, agar berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain di sini atau di luar sana.

Justeru itu, apa pun bidang yang diceburi, apa pun kerjaya yang dipilih, berilah yang terbaik demi agama, bangsa dan negara. Jadikanlah diri anda contoh ikutan kepada rakan sekerja. Dan, ikutilah jejak alumni-alumni terdahulu yang telah mengukir nama dalam bidang yang

diceburi. Jaga nama baik keluarga dan jaga nama baik universiti ini.

Seterusnya, bagi para graduan yang bercita-cita untuk memulakan perniagaan sendiri, berpeganglah pada etika niaga yang mulia, berlandaskan nilai-nilai murni.

Kepada yang beragama Islam, apa pun yang dilakukan, hindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan tuntutan agama. Hakikatnya, walaupun agama Islam menggalakkan kita menceburi bidang keusahawanan, namun jangan jadikan keuntungan semata-mata sebagai matlamat utama perniagaan yang dijalankan.

Sebaliknya, anggaplah peranan anda sebagai sebahagian daripada fi-sabilillah, apatah lagi dalam keadaan ramai umat Islam di seluruh dunia diperkotak-katikan dan hak mereka dinafikan, seperti yang berlaku di Palestin, di Myanmar dan di sesetengah negara barat. Biar apa pun yang ditempuhi, semat dalam hati keyakinan kepada Ilahi, dan pahat di jiwa peri pentingnya mensyukuri nikmat yang diberi, agar kita tidak tergolong dari kalangan yang kufur nikmat.

Dengan ini, saya menyeru kepada para graduan sekalian agar sentiasa bersikap positif, jangan mudah putus asa apabila berdepan dengan cabaran getir dalam meniti kehidupan.

Beri yang terbaik, jadi yang terbaik, fikir yang baik-baik ke arah memperkukuh tautan ummah, apatah lagi dalam keadaan kita diasak oleh pihak-pihak yang tidak senang dengan kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh bangsa serumpun dan seagama.

UiTM Lambang Harga Diri...

Dan sekarang, perdengarkan dan hayatilah lagu “Destini Anak Bangsa” – karya terbaru universiti tercinta ini.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

PRO-CANSELOR UiTM

**DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78
18 MEI 2013 (SABTU)**

SIDANG KEDUA BELAS

19 Mei 2013 (Sabtu, Petang)

UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

SIDANG KEDUA BELAS (PETANG)

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala, kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu untuk bersama-sama meraikan **Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-78** ini.

Sempena hari yang penuh bermakna ini, khususnya kepada para graduan, ibu bapa serta ahli keluarga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas, kepada 971 graduan dari **Fakulti Pendidikan dan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur**.

Sesungguhnya, hari ini anak-anak sekalian telah berjaya sampai ke penghujung kembara yang penuh cabaran setelah bertahun bergelar mahasiswa dan mahasiswi UiTM yang tercinta ini.

Malahan, dengan terenggamnya segulung ijazah atau diploma pada hari ini, tanpa disedari, para graduan telah menghadiahkan satu cendera kenangan yang tidak ternilai kepada ibu bapa, para pensyarah, bahkan juga kepada guru-guru yang mendidik anak-anak semasa di bangku sekolah dahulu.

Ini sekali gus, membuktikan bahawa usaha dan pengorbanan mereka mengisi ilmu di dada anak-anak selama ini, akhirnya membuahakan hasil. Saya percaya, sekiranya anak-anak sekalian bijak mengatur langkah seterusnya, dalam meniti kehidupan di luar gedung ilmu ini, maka terjamin dan bahagialah kehidupan anak-anak sekalian di hari mendatang, insya-Allah.

Justeru, saya minta para graduan sekalian berdiri untuk memberi tepukan kepada para pensyarah dan para pentadbir yang telah mencurahkan bakti, khidmat serta tenaga.

Sekarang sila pandang ke belakang dan berikanlah tepukan yang paling gemuruh kepada ibubapa yang telah mendidik dan membesarkan anda dengan penuh kasih sayang.

(Setelah selesai tepukan....)

Sila duduk semula.... Terima kasih...

Kepada ibu bapa, para penjaga dan para pensyarah sekalian, setinggi-tinggi tahniah serta syabas saya

ucapkan, kerana telah terbukti bahawa usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini, tidak sia-sia.

Kepada para graduan sekalian, saya menaruh harapan agar anda semua akan sentiasa menjaga nama baik universiti apabila melangkah ke fasa seterusnya, sama ada sebagai warga kerja, ataupun dalam menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi.

Jadilah alumni universiti yang sentiasa berbahasa kepada yang memberi, setelah merasa kebaikan daripada pihak yang berbudi. Jadilah aset negara yang profesional, berwibawa, prihatin, berdaya maju dan produktif, dalam apa jua bidang yang diceburi.

Jadilah warga negara yang berperanan melestarikan pembangunan negara, dan jangan sekali-kali

menghancurkan apa yang telah dibina atas keringat dan wawasan pemimpin-pemimpin terdahulu.

Apa pun pendirian kita dan apa pun asas perjuangan kita, janganlah sampai tanah air tercinta dijadikan taruhan untuk menjejaki apa yang belum pasti; kerana yang sudah pasti sekarang ini, ialah Malaysia kita berada di landasan yang betul untuk mencapai status negara maju – baik dari segi perancangan mahupun hala tuju.

Walaupun tidak semuanya indah di pandang mata, walaupun ada cacat celanya, namun sebagai rakyat negara yang aman makmur ini, penting bagi kita berganding bahu, yang berat sama dipikul, yang ringan

sama dijinjing, ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni.

Insya-Allah, tanah tumpah darah ini, akan anda warisi. Lantaran itu, pastikanlah apa yang diwarisi adalah lebih baik daripada sekarang, tanpa mencetus perpecahan dan tanpa menagih ihsan daripada anasir luar yang belum tentu keikhlasannya menghulur bantuan.

Berpeganglah pada semangat “Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri.”

Untuk mencapai hasrat murni ini, saya mengharapkan agar para graduan menanam tekad untuk menjadi alumni UiTM yang patriotik kepada negara, dan setia kepada perjuangan universiti ini.

Sesungguhnya, UiTM tidak pernah tersasar daripada matlamatnya untuk memperkasa bangsa Melayu dan etnik bumiputera yang lain.

Justeru itu, apa pun bidang yang diceburi, apa pun kerjaya yang dipilih, berilah yang terbaik demi agama, bangsa dan negara. Jadikanlah diri anda contoh ikutan kepada rakan sekerja. Dan, ikutilah jejak alumni-alumni terdahulu yang telah mengukir nama dalam bidang yang diceburi. Jaga nama baik keluarga dan jaga nama baik universiti ini.

Dengan ini, saya menyeru kepada para graduan sekalian agar sentiasa bersikap positif, jangan mudah putus asa apabila berdepan dengan cabaran getir dalam meniti kehidupan.

Beri yang terbaik, jadi yang terbaik, fikir yang baik-baik ke arah memperkukuh ikatan ummah, apatah lagi dalam keadaan kita diasak oleh pihak-pihak yang tidak senang dengan kemajuan dan kejayaan yang telah kita capai.

UiTM Lambang Harga Diri...

Dan sekarang, perdengarkan dan hayatilah lagu “Destini Anak Bangsa” – karya terbaru universiti tercinta ini.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi
wa barakatuh.

UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD

PRO-CANSELOR UiTM

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

19 MEI 2013 (AHAD)

SIDANG KETIGA BELAS

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

SIDANG KETIGA BELAS (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya dapat kita bersama-sama meraikan Majlis Konvokesyen ke-78 Universiti Teknologi MARA.

Tahniah saya ucapkan kepada para pelajar yang pada hari ini bergelar graduan, kerana telah menamatkan pengajian mereka dengan jayanya. Sidang kali ini meraikan graduan dari tiga fakulti, iaitu **Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam sidang konvokesyen pagi ini, jumlah bilangan graduan yang akan menerima Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dari ketiga-tiga fakulti ini ialah seramai 1,015 orang. Kepada kesemua graduan syabas atas kejayaan yang telah dicapai, sekali gus melakar sejarah dalam lipatan hidup saudara-saudari.

Jelas sekali, hari ini merupakan hari yang sangat bermakna bukan sahaja kepada para graduan, malah kepada kita semua yang hadir dalam hidup mereka. Kepada ibu bapa, saya percaya kejayaan anak-anak kita ini merupakan saat-saat yang dinantikan sejak sekian lama.

Saya amat percaya bahawa kejayaan yang dicapai oleh para graduan juga merupakan hasil sumbangan serta pengorbanan daripada ibu bapa atau penjaga, dan juga para pensyarah. Ibu bapa dan kaum keluargalah yang membekalkan saudara-saudari dengan kasih sayang dan doa agar sentiasa berjaya dalam hidup. Dan, para pensyarahlah yang tidak jemu-jemu membekalkan saudara-saudari ilmu untuk dijadikan sandaran dalam hidup.

Sejak mula diasaskan seawal tahun 1956, hinggalah kini, UiTM tidak pernah berganjak daripada matlamat asalnya, iaitu, untuk memandu dan mendorong perubahan dalam kalangan anak-anak bumiputera, melalau pendekatan yang cermat, bijak, dan sabar.

Sesungguhnya, memartabatkan anak bangsa merupakan antara tugas utama universiti ini. Atas sebab itulah, jika diteliti, akan kita sedari betapa universiti ini mempunyai kelainan yang menonjol berbanding universiti-universiti yang ada di negara ini, bahkan di dunia.

Universiti ini sering kali menjadi fokus paparan media cetak, dan kerap kali juga dijadikan modal tajuk perbualan bukan sahaja dari kalangan ibu bapa, malahan dalam kalangan pemimpin politik tertinggi.

Ini tidak lain kerana UiTM dilihat sebagai satu-satunya universiti bumiputera yang diharapkan untuk mendukung martabat bangsa.

UiTM diharapkan dapat mempertingkatkan pencapaian kaum bumiputera dalam bidang-bidang profesional. Ternyata, apa yang telah UiTM laksanakan setakat ini melebihi apa yang dijangka mampu dilakukan sebelumnya.

Saya sedar bahawa kita memikul tanggungjawab yang besar dalam memberi kehidupan yang terbaik kepada anak-anak kita. Untuk tujuan tersebut, pelbagai kemudahan di universiti ini sentiasa ditambah serta diperbaiki, bagi menampung bilangan mahasiswa-mahasiswi yang sentiasa meningkat.

Pembangunan akademik menjadi keutamaan UiTM. Saya faham dan sedar, sebagai sebuah universiti yang menjadi sandaran bangsa, graduan UiTM sebenarnya perlu diasuh dan dilatih untuk menjadi cekap, berhemah, berwawasan, kreatif, profesional, dan mempunyai jati diri yang tinggi.

Ciri-ciri positif ini semua bertujuan mempersiapkan para graduan yang bakal menghadapi pelbagai cabaran, seiring dengan perkembangan industri pekerjaan.

Atas sebab itulah, pelbagai kemudahan asas dan sokongan ditambah dan diperbaiki, dari semasa ke semasa. Selain itu,

pembangunan modal insan dalam pelbagai bentuk dan kaedah, sentiasa diutamakan demi pembangunan sahsiah graduan.

Semuanya ini diusahakan oleh universiti ini bagi memastikan graduan UiTM berupaya menjulang nama bangsa kita, bukan setakata di arena tempatan bahkan di persada antarabangsa.

Kesimpulannya, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, apa yang UiTM laksanakan sehingga ini merupakan terjemahan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam kalangan warga universiti.

Graduan UiTM dihormati di pasaran, keupayaan mereka menyesuaikan diri dan menggunakan pelbagai kemahiran dalam pekerjaan sentiasa dihargai majikan. Lebih daripada itu, UiTM juga telah mula mengorak langkah gigih bagi mempersiapkan siswa-siswinya untuk menceburi bidang perniagaan – sebagai majikan bukan setakat digaji majikan.

Justeru, saya berharap ibu bapa serta graduan dapat menginsafi peranan UiTM selama ini, yakni, memastikan kejayaan dan masa depan cemerlang para graduan, sebagai golongan bumiputera berilmu dan berwawasan.

UiTM melihat jauh ke hadapan. Banyak strategi serta tindakan yang kita susun, menjurus kepada menyediakan generasi graduan yang berketrampilan dan berkualiti tinggi.

Kita berhasrat untuk melahirkan generasi graduan yang bakal menjadi eksekutif bumiputera yang profesional dan berwibawa untuk pembangunan bangsa, agama dan negara, selain memupuk ciri-ciri keusahawanan bagi meneraju bidang perniagaan negara.

UiTM sentiasa berpendirian tegas dan menolak sebarang unsur-unsur ekstrem, sama ada dari sudut agama, ataupun unsur-unsur lain yang boleh mengancam kehidupan sehari-hari.

Perkara ini sentiasa kita tegaskan kepada semua pelajar UiTM tanpa bertolak ansur. Hasilnya, kita berjaya mengeluarkan graduan yang seimbang dari segi intelek, emosi dan rohani. Dan inilah juga kualiti yang ditunjukkan oleh graduan dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, yang sama diraikan pada Sidang ke-13 ini.

Dalam sidang ini seramai 331 graduan dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik, terdiri daripada 214 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 117 graduan Diploma. Manakala seramai 218 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 146 graduan Diploma dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Jumlah graduan bagi Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi pula seramai 137 orang di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan 166 di peringkat Diploma.

Saya amat berharap semoga, para graduan sekalian akan terus berpegang teguh pada budaya Melayu dan adab kesantunan

Timur, agar berbahasa pada yang berbudi setelah merasa apa yang diberi, walau jauh mana pun kembara kita, walau setinggi gunung pangkat dan darjat. Jika yang mengalir itu darah Melayu, dan jika bumi yang dipijak milik peribumi, maka yang berbakti dan berjasa, usah sesekali dipandang sepi, apatah lagi setelah dada digenang ilmu dan minda dibuka seluas buana.

Saya berharap agar saudara-saudari sekalian terus menanam tekad untuk berusaha keras tanpa jemu, namun berwawasan untuk menjadi anak bangsa yang terpahat di jiwanya kesetiaan pada negara, dan kecintaan pada agama.

Jadilah anak bangsa yang insaf akan erti nikmat ilmu, selain bersyukur akan nikmat Allah, kita dilahirkan sebagai peribumi yang terkenal dengan adab kesantunan juga adat budaya tinggalkan zaman berzaman. Jangan sesekali mengkhianati bangsa, jauh sekali kufur nikmat akan anugerah Allah di bumi

bertuah ini. Jika semangat sebangsa seharusnya disanjung, maka agama pula dibedung kuat agar tidak longgar iman dan akhlak.

Saya memohon agar para graduan untuk mengenang barang sejenak betapa segala apa yang saudara-saudari kecapi pada hari ini, sebenarnya terjemahan perancangan rapi serta wawasan kepimpinan negara – dari dulu hingga kini – yang sentiasa memikirkan usaha dan kaedah untuk dimanfaatkan oleh kita semua, tanpa mengira asal diri.

Semua para graduan telah menimba ilmu sekian lama di UiTM dengan berbekalkan kemudahan – harta benda dan sumber kewangan yang disediakan oleh pihak kerajaan sekarang.

Dalam konteks ini, suka saya mengingatkan para graduan sekalian bahawa kerajaan sentiasa terkehadapan dalam usaha membangunkan negara ke tahap yang lebih baik, seperti yang dapat kita lihat melalui pelaksanaan Model Baru Ekonomi,

Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan. Untuk mencapai hasrat murni ini, salah satu pendekatan yang dikenal pasti ialah melalui transformasi dalam sistem pendidikan.

Marilah kita renung sejenak agar terbuka hati untuk kita bermuhasabah diri akan peranan yang tegar dimainkan oleh kepimpinan negara sejak dulu lagi, hinggalah kini. Cuba bayangkan betapa banyaknya perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan untuk memberikan pendidikan tinggi dengan kos yang paling minima, seperti yang kita nikmati di sini.

Saya percaya tidak ada mana-mana negara yang setanding dengan apa yang dilakukan di Malaysia, demi pendidikan tinggi anak-anak bangsa kita. Percayalah. Oleh yang demikian, kembalikanlah ihsan tersebut dengan cara yang terpuji, berbudi dan selayaknya.

Sekiranya ditakdirkan Allah kelak, anda menjadi orang yang berjaya dalam kerjaya – sebagai orang besar, sebagai

Tidak banyak yang perlu dikorbankan selain wawasan, kerja keras serta tanggungjawab yang seharusnya ditunaikan, sebagai rakyat yang sentiasa berterima kasih kepada kerajaan yang prihatin, dan bersyukur kepada Maha Pencipta yang meletakkan kita sebagai penghuni bumi Malaysia.

Hadiri yang saya hormati sekalian,

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan anda semua. Saya berdoa semoga anda sekalian akan terus maju jaya dalam segala lapangan yang anda ceburi dan usahakan.

Dan biar di mana sekali pun anda berada, berikanlah tempat yang istimewa untuk UiTM tersemat di sudut hati – sementelah UiTM Sentiasa Di Hatiku.

Sekiranya ditakdirkan Allah kelak, anda menjadi orang yang berjaya dalam kerjaya – sebagai 'orang besar', sebagai

usahawan, sebagai jutawan, ataupun sesiapa sahaja, sebagaimana yang dapat kita lihat pada hari ini, alumni kita di sana dan di sini, mengisi kerusi empuk sebagai tokoh-tokoh terkenal tanah air – ingatlah wahai anakanda, bahawa UiTM inilah tempatnya anda meniti laluan untuk menuntut ilmu pengetahuan.

Sekian. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

19 MEI 2013 (AHAD)

SIDANG KEEMPAT BELAS

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

SIDANG KEEMPAT BELAS (PETANG)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (UiTM) ke-78.

Istiadat Konvokesyen UiTM ke-78 sidang ke-14 pada petang ini menyaksikan seramai 1,281 orang graduan dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) menerima diploma dan ijazah masing-masing. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan kerana berkat usaha dan komitmen saudara-saudari sebagai pelajar UiTM telah membolehkan saudara-saudari akhirnya berjaya menerima diploma dan ijazah pada hari yang bersejarah ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada ibu bapa graduan pada hari ini. Saya percaya iringan doa dan sokongan tuan-tuan dan puan-puanlah, anak-anak kita pada hari ini mencapai

kejayaan yang kita harapkan. Tidak dilupakan juga, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada para pensyarah dan staf teknikal yang telah memberikan pengetahuan dan kemahiran tanpa jemu bagi memastikan saudara-saudari menjayakan projek-projek ilmiah sepanjang pengajian di UiTM.

Para hadirin sekalian,

Sejak ditubuhkan 46 tahun yang lalu, banyak perubahan telah dilakukan terhadap bidang-bidang program yang ditawarkan oleh Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM. Tujuannya adalah untuk memastikan setiap program yang dijalankan sentiasa relevan, bermutu tinggi dan berada di barisan hadapan dalam sistem pendidikan seni lukis dan seni reka kebangsaan. Kurikulum yang dibangunkan adalah mengikut Standard Program Seni Lukis dan Seni Reka yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia.

Fakulti kini mempunyai ramai pensyarah yang berkelayakan Sarjana, PhD dan bertaraf Profesor yang mampu membantu fakulti melahirkan graduan yang kreatif, inovatif, holistik dan berdaya saing untuk memenuhi keperluan alam pekerjaan.

Namun, perlu diingatkan bahawa ilmu asas dalam bidang seni lukis dan seni reka yang dibawa keluar ke pasaran kerja perlu di pertingkat dari masa ke masa mengikut perubahan zaman dan kemajuan dunia. Dunia sekarang bukan lagi dunia pengkhususan (*world of specialization*). Dunia sekarang menilai sumber manusia yang berfikiran dan mempunyai kebolehan pelbagai (*multi-talented human resource*). Ada beberapa cara untuk seseorang graduan mempertingkatkan ilmu asas untuk membina nilai pengkhususan ilmu dan mempelbagaikan kemahiran.

Pertama ialah *cross training*, iaitu menambah ilmu dan amali dalam bidang lain yang difikirkan sesuai dan

bermanfaat untuk membina kerjaya dalam bidang seni lukis and seni reka. Adalah lebih relevan jika para graduan berusaha mendapat *cross training* dalam bidang yang boleh membantu memperkembangkan minat masing-masing. Contoh yang sering kita lihat ialah graduan mendapatkan *cross training* dalam bidang pendidikan dan seterusnya menjadi pendidik di sekolah-sekolah. Ada juga graduan *industrial design* yang menambah nilai ilmu asas mereka dengan mempelajari *interior architecture* dan meluaskan peluang mereka sendiri di pasaran.

Yang kedua ialah membina kerjasama kreatif secara profesional dengan rakan graduan lain. Kalau kita seorang pakar seni seramik, kita boleh menjalinkan kerjasama dengan seorang pakar seni halus bagi menghasilkan seni kontemporari. Kita perlu bergabung menjadi pasangan pengkarya, pendidik, dan pengusaha seni yang membangunkan *niche area* yang tersendiri.

Banyak lagi bidang-bidang lain dan baru yang boleh menjadikan saudara-saudari kreatif dan berdaya saing dalam mengetengahkan seni yang dipelajari.

Graduan sekalian,

Dalam dunia yang kian mencabar dan berdaya saing, seseorang graduan itu perlu berfikir menjangkau mentaliti mencari kerja di sektor swasta mahu pun kerajaan. Dalam dunia yang pantas maju ini seseorang graduan perlu keluar dari kotak fikiran yang tertumpu kepada mencari kerja dengan majikan dan bekerja untuk majikan sepanjang kerjaya sehinggalah usia bersara.

Pada zaman ini seseorang graduan perlu kreatif berfikir bagaimana untuk menjadi *self-employed* di peringkat awal kerjaya lagi dan membangunkan fikiran ini supaya dia boleh jadi majikan dan menyumbang kepada pembinaan pasaran pekerjaan negara.

Saudara-saudari semua telah dilatih oleh tenaga pengajar yang terbaik dalam bidang yang ditunjang dengan ilmu kreativiti. Terpulang kepada saudara-saudari untuk melaburkan kreativiti ini dengan bijak untuk masa depan yang lebih cemerlang daripada kerjaya graduan terdahulu.

Seperkara lagi yang ingin saya ketengahkan ialah mengenai taburan alumni universiti ini. Sejak awal lagi taburan graduan UiTM tidak terhad di pasaran dalam negara sahaja. Ada di kalangan alumni UiTM terutama dari fakulti ini seawal dekad tujuh puluhan telah diterima bekerja di luar negara, seperti di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Mereka juga telah mencipta nama di luar negara. Maka tidak mustahil bagi para graduan zaman sains dan teknologi serba canggih menebarkan sayap profesional untuk pergi lebih jauh dengan lebih pantas.

Nasihat saya ialah, jangan melihat kejayaan graduan terdahulu dari sudut konteks sahaja. Tetapi lihatlah kejayaan mereka dari sudut nilai dan semangat memajukan diri. Zaman berubah pantas dengan membawa banyak ilmu, kemudahan dan peluang yang perlu dihayati dan dihargai. Jadi seseorang itu juga perlu cerdas dan cergas untuk tidak ketinggalan dalam profesion masing-masing. Dan uniknya ilmu dan kemahiran dalam bidang seni lukis dan seni reka ialah pemikiran kreatif yang boleh mewarnai dan menambah nilai estetik dunia sains dan teknologi.

Lihat sahaja di sekeliling kita bagaimana negara-negara yang berteknologi maju memanfaatkan seni lukis dan seni reka untuk memperkayakan gaya hidup untuk membangunkan pasaran produk mereka di merata dunia.

Hadirin sekalian,

Di kesempatan ini ingin saya berpesan kepada saudara-saudari semua. Saudara-saudari telah menghabiskan sekian tahun di UiTM berbekalkan kemudahan – harta benda dan wang ringgit – yang disalurkan terus oleh pihak kerajaan. Marilah kita renung sejenak di mana-mana. Namakan satu-dua negara yang memberikan pendidikan tinggi dengan kos yang paling minima seperti yang kita nikmati di sini. Saya percaya tidak ada mana-mana negara yang setanding dengan apa yang kita lakukan demi pendidikan tinggi anak-anak bangsa kita. Percayalah!

Oleh yang demikian, kembalikanlah ehsan tersebut dengan cara yang terpuji, berbudi dan selayaknya. Tidak banyak yang perlu saudara-saudari korbankan selain daripada berwawasan, kerja keras serta menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat yang sentiasa berterima kasih dan bersyukur kepada kerajaan. Milikilah sifat kental

- *tak lapok dek hujan dan tak lekang dek panas.*

Simpanlah niat untuk membalas budi kepada mereka yang telah berjasa.

Kepada saudara-saudari yang tergerak nak berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni yang disediakan di luar dewan. Semoga sumbangan alumni, yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa masalah kewangan sekali gus kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan.

Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada para graduan Seni Lukis dan Seni Reka di atas kejayaan yang saudara dan saudari perolehi pada hari ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum

Waramatullahi Wabarakatuh.

UCAPAN

YBHG. DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR

TEKS UCAPAN

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

YBHG. DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR

NAIB CANSOLOR

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78
20 MEI 2013 (ISNIN)

SIDANG KELIMA BELAS

UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

SIDANG KELIMA BELAS (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala, kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu untuk bersama-sama meraikan **Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-78** ini.

Sempena hari yang penuh bermakna ini, khususnya kepada para graduan, ibu bapa serta ahli keluarga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas, kepada 890 graduan dari **Fakulti Sains Komputer dan Matematik**.

Sesungguhnya, hari ini anak-anak sekalian telah berjaya sampai ke penghujung kembara yang penuh cabaran setelah bertahun bergelar mahasiswa dan mahasiswi UiTM yang tercinta ini.

Malahan, dengan terenggamnya segulung ijazah atau diploma pada hari ini, tanpa disedari, para graduan telah menghadiahkan satu cendera kenangan yang tidak ternilai kepada ibu bapa, para pensyarah, bahkan juga kepada guru-guru yang mendidik anak-anak semasa di bangku sekolah dahulu.

Ini sekali gus, membuktikan bahawa usaha dan pengorbanan mereka mengisi ilmu di dada anak-anak selama ini, akhirnya membuahakan hasil. Saya percaya, sekiranya anak-anak sekalian bijak mengatur langkah seterusnya, dalam meniti kehidupan di luar gedung ilmu ini, maka terjamin dan bahagialah kehidupan anak-anak sekalian di hari mendatang, insya-Allah.

Justeru, saya minta para graduan sekalian berdiri untuk memberi tepukan kepada para pensyarah dan para pentadbir yang telah mencurahkan bakti, khidmat serta tenaga.

Sekarang sila pandang ke belakang dan berikanlah tepukan yang paling gemuruh kepada ibubapa yang telah mendidik dan membesarkan anda dengan penuh kasih sayang.

(Setelah selesai tepukan....)

Sila duduk semula.... Terima kasih...

Kepada ibu bapa, para penjaga dan para pensyarah sekalian, setinggi-tinggi tahniah serta syabas saya

ucapkan, kerana telah terbukti bahawa usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini, tidak sia-sia.

Kepada para graduan sekalian, saya menaruh harapan agar anda semua akan sentiasa menjaga nama baik universiti apabila melangkah ke fasa seterusnya, sama ada sebagai warga kerja, ataupun dalam menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi.

Jadilah alumni universiti yang sentiasa berbahasa kepada yang memberi, setelah merasa kebaikan daripada pihak yang berbudi. Jadilah aset negara yang profesional, berwibawa, prihatin, berdaya maju dan produktif, dalam apa jua bidang yang diceburi.

Jadilah warga negara yang berperanan melestarikan pembangunan negara, dan jangan sekali-kali

menghancurkan apa yang telah dibina atas keringat dan wawasan pemimpin-pemimpin terdahulu.

Apa pun pendirian kita dan apa pun asas perjuangan kita, janganlah sampai tanah air tercinta dijadikan taruhan untuk menjejaki apa yang belum pasti; kerana yang sudah pasti sekarang ini, ialah Malaysia kita berada di landasan yang betul untuk mencapai status negara maju – baik dari segi perancangan mahupun hala tuju.

Walaupun tidak semuanya indah di pandang mata, walaupun ada cacat celanya, namun sebagai rakyat negara yang aman makmur ini, penting bagi kita berganding bahu, yang berat sama dipikul, yang ringan

kepada perjuangan universiti ini.

sama dijinjing, ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni.

Insyallah, tanah tumpah darah ini, akan anda warisi. Lantaran itu, pastikanlah apa yang diwarisi adalah lebih baik daripada sekarang, tanpa mencetus perpecahan dan tanpa menagih ihsan daripada anasir luar yang belum tentu keikhlasannya menghulur bantuan.

Berpeganglah pada semangat “Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri.”

Untuk mencapai hasrat murni ini, saya mengharapkan agar para graduan menanam tekad untuk menjadi alumni UiTM yang patriotik kepada negara, dan setia kepada perjuangan universiti ini.

Sesungguhnya, UiTM tidak pernah tersasar daripada matlamatnya untuk memperkasa bangsa Melayu dan etnik bumiputera yang lain.

Justeru itu, apa pun bidang yang diceburi, apa pun kerjaya yang dipilih, berilah yang terbaik demi agama, bangsa dan negara. Jadikanlah diri anda contoh ikutan kepada rakan sekerja. Dan, ikutilah jejak alumni-alumni terdahulu yang telah mengukir nama dalam bidang yang diceburi. Jaga nama baik keluarga dan jaga nama baik universiti ini.

Seterusnya, bagi para graduan yang bercita-cita untuk memulakan perniagaan sendiri, berpeganglah pada etika niaga yang mulia, berlandaskan nilai-nilai murni. Namun jangan jadikan keuntungan semata-mata sebagai matlamat utama perniagaan yang dijalankan.

Sebaliknya, anggaplah peranan anda sebagai sebahagian daripada fi-sabilillah, apatah lagi dalam keadaan ramai umat Islam di seluruh dunia diperkotak-katikkan dan hak mereka dinafikan, seperti yang berlaku di Palestin, di Myanmar dan di sesetengah negara barat. Biar apa pun yang ditempuhi, semat dalam hati keyakinan kepada Ilahi, dan pahat di jiwa betapa pentingnya mensyukuri nikmat yang diberi, agar kita tidak tergolong dari kalangan yang kufur nikmat.

Dengan ini, saya menyeru kepada para graduan sekalian agar sentiasa bersikap positif, jangan mudah putus asa apabila berdepan dengan cabaran getir dalam meniti kehidupan.

Beri yang terbaik, jadi yang terbaik, fikir yang baik-baik ke arah memperkukuh ikatan ummah, apatah lagi dalam keadaan kita diasak oleh pihak-pihak yang tidak senang dengan kemajuan dan kejayaan yang telah kita capai.

UiTM Lambang Harga Diri...

Dan sekarang, perdengarkan dan hayatilah lagu “Destini Anak Bangsa” – karya terbaru universiti tercinta ini.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi
wa barakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

PRO-CANSELOR UiTM

**DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78
20 MEI 2013 (ISNIN)**

SIDANG KEENAM BELAS

UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

SIDANG KEENAM BELAS (PETANG)

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala, kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu untuk bersama-sama meraikan **Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-78** ini.

Sempena hari yang penuh bermakna ini, khususnya kepada para graduan, ibu bapa serta ahli keluarga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas, kepada 915 graduan dari **Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Muzik dan Fakulti Sains Komputer dan Matematik**.

Sesungguhnya, hari ini anak-anak sekalian telah berjaya sampai ke penghujung kembara yang penuh cabaran setelah bertahun bergelar mahasiswa dan mahasiswi UiTM yang tercinta ini.

Malahan, dengan terenggamnya segulung ijazah atau diploma pada hari ini, tanpa disedari, para graduan telah menghadihkan satu cendera kenangan yang tidak ternilai kepada ibu bapa, para pensyarah, bahkan juga kepada guru-guru yang mendidik anak-anak semasa di bangku sekolah dahulu.

Ini sekali gus, membuktikan bahawa usaha dan pengorbanan mereka mengisi ilmu di dada anak-anak selama ini, akhirnya membuahhkan hasil. Saya percaya, sekiranya anak-anak sekalian bijak mengatur langkah seterusnya, dalam meniti kehidupan di luar gedung ilmu ini, maka terjamin dan bahagialah kehidupan anak-anak sekalian di hari mendatang, insya-Allah.

Justeru, saya minta para graduan sekalian berdiri untuk memberi tepukan kepada para pensyarah dan para pentadbir yang telah mencurahkan bakti, khidmat serta tenaga.

Sekarang sila pandang ke belakang dan berikanlah tepukan yang paling gemuruh kepada ibubapa yang telah mendidik dan membesarkan anda dengan penuh kasih sayang.

(Setelah selesai tepukan....)

Sila duduk semula.... Terima kasih...

Kepada ibu bapa, para penjaga dan para pensyarah sekalian, setinggi-tinggi tahniah serta syabas saya

ucapkan, kerana telah terbukti bahawa usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini, tidak sia-sia.

Kepada para graduan sekalian, saya menaruh harapan agar anda semua akan sentiasa menjaga nama baik universiti apabila melangkah ke fasa seterusnya, sama ada sebagai warga kerja, ataupun dalam menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi.

Jadilah alumni universiti yang sentiasa berbahasa kepada yang memberi, setelah merasa kebaikan daripada pihak yang berbudi. Jadilah aset negara yang profesional, berwibawa, prihatin, berdaya maju dan produktif, dalam apa jua bidang yang diceburi.

Jadilah warga negara yang berperanan melestarikan pembangunan negara, dan jangan sekali-kali

menghancurkan apa yang telah dibina atas keringat dan wawasan pemimpin-pemimpin terdahulu.

Apa pun pendirian kita dan apa pun asas perjuangan kita, janganlah sampai tanah air tercinta dijadikan taruhan untuk menjejaki apa yang belum pasti; kerana yang sudah pasti sekarang ini, ialah Malaysia kita berada di landasan yang betul untuk mencapai status negara maju – baik dari segi perancangan mahupun hala tuju.

Walaupun tidak semuanya indah di pandang mata, walaupun ada cacat celanya, namun sebagai rakyat negara yang aman makmur ini, penting bagi kita berganding bahu, yang berat sama dipikul, yang ringan

sama dijinjing, ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni.

Insya-Allah, tanah tumpah darah ini, akan anda warisi. Lantaran itu, pastikanlah apa yang diwarisi adalah lebih baik daripada sekarang, tanpa mencetus perpecahan dan tanpa menagih ihsan daripada anasir luar yang belum tentu keikhlasannya menghulur bantuan.

Berpeganglah pada semangat “Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri.”

Untuk mencapai hasrat murni ini, saya mengharapkan agar para graduan menanam tekad untuk menjadi alumni UiTM yang patriotik kepada negara, dan setia kepada perjuangan universiti ini.

Sesungguhnya, UiTM tidak pernah tersasar daripada matlamatnya untuk memperkasa bangsa Melayu dan etnik bumiputera yang lain.

Justeru itu, apa pun bidang yang diceburi, apa pun kerjaya yang dipilih, berilah yang terbaik demi agama, bangsa dan negara. Jadikanlah diri anda contoh ikutan kepada rakan sekerja. Dan, ikutilah jejak alumni-alumni terdahulu yang telah mengukir nama dalam bidang yang diceburi. Jaga nama baik keluarga dan jaga nama baik universiti ini.

Seterusnya, bagi para graduan yang bercita-cita untuk memulakan perniagaan sendiri, berpeganglah pada etika niaga yang mulia, berlandaskan nilai-nilai murni. Namun jangan jadikan keuntungan semata-mata sebagai matlamat utama perniagaan yang dijalankan.

Sebaliknya, anggaplah peranan anda sebagai sebahagian daripada fi-sabilillah, apatah lagi dalam keadaan ramai umat Islam di seluruh dunia diperkotak-katikkan dan hak mereka dinafikan, seperti yang berlaku di Palestin, di Myanmar dan di sesetengah negara barat. Biar apa pun yang ditempuhi, semat dalam hati keyakinan kepada Ilahi, dan pahat di jiwa betapa pentingnya mensyukuri nikmat yang diberi, agar kita tidak tergolong dari kalangan yang kufur nikmat.

Dengan ini, saya menyeru kepada para graduan sekalian agar sentiasa bersikap positif, jangan mudah putus asa apabila berdepan dengan cabaran getir dalam meniti kehidupan.

Beri yang terbaik, jadi yang terbaik, fikir yang baik-baik ke arah memperkukuh ikatan ummah, apatah lagi dalam keadaan kita diasak oleh pihak-pihak yang tidak senang dengan kemajuan dan kejayaan yang telah kita capai.

UiTM Lambang Harga Diri...

Dan sekarang, perdengarkan dan hayatilah lagu “Destini Anak Bangsa” – karya terbaru universiti tercinta ini.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi
wa barakatuh.

UCAPAN

YBHG. DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR

TEKS UCAPAN

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

**YBHG. DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

21 MEI 2013 (SELASA)

SIDANG KETUJUH BELAS

UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI PROF IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 78

SIDANG KETUJUH BELAS (PAGI)

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Dato' Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala, kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu untuk bersama-sama meraikan **Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-78** ini.

Sempena hari yang penuh bermakna ini, khususnya kepada para graduan, ibu bapa serta ahli keluarga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas, kepada 1,155 graduan dari **Fakulti Pengurusan Maklumat**.

Sesungguhnya, hari ini anak-anak sekalian telah berjaya sampai ke penghujung kembara yang penuh cabaran setelah bertahun bergelar mahasiswa dan mahasiswi UiTM yang tercinta ini.

Malahan, dengan terenggamnya segulung ijazah atau diploma pada hari ini, tanpa disedari, para graduan telah menghadiahkan satu cendera kenangan yang tidak ternilai kepada ibu bapa, para pensyarah, bahkan juga kepada guru-guru yang mendidik anak-anak semasa di bangku sekolah dahulu.

Ini sekali gus, membuktikan bahawa usaha dan pengorbanan mereka mengisi ilmu di dada anak-anak selama ini, akhirnya membuahakan hasil. Saya percaya, sekiranya anak-anak sekalian bijak mengatur langkah seterusnya, dalam meniti kehidupan di luar gedung ilmu ini, maka terjamin dan bahagialah kehidupan anak-anak sekalian di hari mendatang, insya-Allah.

Justeru, saya minta para graduan sekalian berdiri untuk memberi tepukan kepada para pensyarah dan para pentadbir yang telah mencurahkan bakti, khidmat serta tenaga.

Sekarang sila pandang ke belakang dan berikanlah tepukan yang paling gemuruh kepada ibubapa yang telah mendidik dan membesarkan anda dengan penuh kasih sayang.

(Setelah selesai tepukan....)

Sila duduk semula.... Terima kasih...

Kepada ibu bapa, para penjaga dan para pensyarah sekalian, setinggi-tinggi tahniah serta syabas saya

ucapkan, kerana telah terbukti bahawa usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini, tidak sia-sia.

Kepada para graduan sekalian, saya menaruh harapan agar anda semua akan sentiasa menjaga nama baik universiti apabila melangkah ke fasa seterusnya, sama ada sebagai warga kerja, ataupun dalam menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi.

Jadilah alumni universiti yang sentiasa berbahasa kepada yang memberi, setelah merasa kebaikan daripada pihak yang berbudi. Jadilah aset negara yang profesional, berwibawa, prihatin, berdaya maju dan produktif, dalam apa jua bidang yang diceburi.

Jadilah warga negara yang berperanan melestarikan pembangunan negara, dan jangan sekali-kali

menghancurkan apa yang telah dibina atas keringat dan wawasan pemimpin-pemimpin terdahulu.

Apa pun pendirian kita dan apa pun asas perjuangan kita, janganlah sampai tanah air tercinta dijadikan taruhan untuk menjejaki apa yang belum pasti; kerana yang sudah pasti sekarang ini, ialah Malaysia kita berada di landasan yang betul untuk mencapai status negara maju – baik dari segi perancangan mahupun hala tuju.

Walaupun tidak semuanya indah di pandang mata, walaupun ada cacat celanya, namun sebagai rakyat negara yang aman makmur ini, penting bagi kita berganding bahu, yang berat sama dipikul, yang ringan

sama dijinjing, ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni.

Insya-Allah, tanah tumpah darah ini, akan anda warisi. Lantaran itu, pastikanlah apa yang diwarisi adalah lebih baik daripada sekarang, tanpa mencetus perpecahan dan tanpa menagih ihsan daripada anasir luar yang belum tentu keikhlasannya menghulur bantuan.

Berpeganglah pada semangat “Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri.”

Untuk mencapai hasrat murni ini, saya mengharapkan agar para graduan menanam tekad untuk menjadi alumni UiTM yang patriotik kepada negara, dan setia kepada perjuangan universiti ini.

Sesungguhnya, UiTM tidak pernah tersasar daripada matlamatnya untuk memperkasa bangsa Melayu dan etnik bumiputera yang lain.

Namun jangan jadikan keuntungan semata-mata. Justeru itu, apa pun bidang yang diceburi, apa pun kerjaya yang dipilih, berilah yang terbaik demi agama, bangsa dan negara. Jadikanlah diri anda contoh ikutan. Sebaliknya, anggaplah peranan anda sebagai kepada rakan sekerja. Dan, ikutilah jejak alumni-alumni sebahagian daripada fi-sabilillah, apatah lagi dalam terdahulu yang telah mengukir nama dalam bidang yang keadaan ramai umat Islam di seluruh dunia diperkotak-diceburi. Jaga nama baik keluarga dan jaga nama baik katikkan dan hak mereka dinafikan, seperti yang berlaku universiti ini.

di Palestin, di Myanmar dan di sesetengah negara barat. Biar apa pun yang ditempuh, semat dalam hati keyakinan kepada Ilahi, dan pahat di jiwa betapa pentingnya mensyukuri nikmat yang diberi, agar kita tidak tergolong dari kalangan yang kufur nikmat.

Seterusnya, bagi para graduan yang bercita-cita untuk memulakan perniagaan sendiri, berpeganglah pada etika niaga yang mulia, berlandaskan nilai-nilai murni. Namun jangan jadikan keuntungan semata-mata sebagai matlamat utama perniagaan yang dijalankan.

Sebaliknya, anggaplah peranan anda sebagai sebahagian daripada fi-sabilillah, apatah lagi dalam keadaan ramai umat Islam di seluruh dunia diperkotak-katikkan dan hak mereka dinafikan, seperti yang berlaku di Palestin, di Myanmar dan di sesetengah negara barat. Biar apa pun yang ditempuhi, semat dalam hati keyakinan kepada Ilahi, dan pahat di jiwa betapa pentingnya mensyukuri nikmat yang diberi, agar kita tidak tergolong dari kalangan yang kufur nikmat.

Dengan ini, saya menyeru kepada para graduan sekalian agar sentiasa bersikap positif, jangan mudah putus asa apabila berdepan dengan cabaran getir dalam meniti kehidupan.

Beri yang terbaik, jadi yang terbaik, fikir yang baik-baik ke arah memperkukuh ikatan ummah, apatah lagi dalam keadaan kita diasak oleh pihak-pihak yang tidak senang dengan kemajuan dan kejayaan yang telah kita capai.

UiTM Lambang Harga Diri...

Dan sekarang, perdengarkan dan hayatilah lagu “Destini Anak Bangsa” – karya terbaru universiti tercinta ini.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi
wa barakatuh.